



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen

2025

Zon Utara

P. 074 LUMUT

Laporan Disediakan Oleh: Dr. Thanaraj Murudi



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.074 Lumut

Disediakan oleh:
Dr. Thanaraj Murudi


KATA ALUAN	II
KATA PENGANTAR	IV
PENGENALAN	VI

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU	1 – 10
-------------------------------------	---------------

BAHAGIAN B

1.0	PENGENALAN	14 – 25
	1.1 Geografi/Topografi	15
	1.2 Komposisi Penduduk	16
	1.3 Kegiatan Ekonomi Utama	17
	1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan	19
2.0	METODOLOGI PENYELIDIKAN	26 – 30
	2.1 Pendekatan Kajian	26
	2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan	29
	2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan	29
	2.4 Keterbatasan Kajian	30
3.0	RANGKUMAN ISU RENTAS SDG	31 – 39
4.0	GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU	40 – 86
	4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu	40
	4.2 Pengutamaan Isu	83
5.0	PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK	87 – 88
	PENYELESAIAN	
6.0	RUJUKAN	89 – 90



P.074 LUMUT

KATA ALUAN

YBHG. TUAN RUSHDAN RUSMI
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi jilid Zon Utara tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin menyampaikan kata aluan ini sebagai tanda komitmen bersama dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah kerangka penting yang menjadi panduan kepada pembangunan yang seimbang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus dilaksanakan di negara ini. Pelaksanaan APPGM-SDG telah membentuk pentas bagi komuniti akar umbi untuk menyuarakan cabaran, keperluan, serta aspirasi mereka agar ia dapat dijadikan asas dalam merangka dasar dan inisiatif pembangunan yang lebih berkesan. Zon Utara, kawasan Padang Besar sebagai contohnya, bukan sekadar titik geografi di pinggir sempadan tetapi mencerminkan realiti kompleks sempadan moden di mana cabaran keselamatan, ekonomi dan sosial terjalin rapat. Pendekatan holistik dan jangka panjang yang merangkumi aspek pembangunan, integrasi agensi dan pengurusan risiko merentas sempadan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Zon Utara menuntut perhatian segera dan penyelesaian yang menyeluruh. Justeru, laporan pemetaan isu yang diterbitkan pada tahun ini hadir sebagai satu dokumen penting yang menggabungkan suara rakyat dengan analisis data. Sebagai hasil kerjasama erat antara Ahli-ahli Parlimen, komuniti, pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan pihak swasta, laporan ini tidak hanya

mengenal pasti cabaran tetapi juga menawarkan cadangan tindakan yang berdaya tahan. Saya percaya ia akan menjadi rujukan utama dalam membina pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Setulus penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan laporan ini, termasuk Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akar umbi. Laporan ini bukan sahaja mencatatkan cabaran yang dihadapi, tetapi turut menampilkan cadangan penyelesaian yang praktikal untuk dilaksanakan. Semoga penerbitan ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan dalam membina kerjasama strategik antara pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh asas pembangunan negara yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

YB Rushdan Rusmi

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

Ahli Parlimen Padang Besar

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiyah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN

DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejitian bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

PEMETAAN ISU DI ZON UTARA

Zon Utara yang meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mempunyai kekuatan geografi dan ekonomi yang pelbagai, termasuk sawah padi di Kedah dan Perlis, sektor perikanan di Kuala Kedah dan Lumut, pelancongan di Pulau Pinang serta pertanian dan kuari di Perak. Untuk tahun 2025, sebanyak sembilan (9) parlimen telah terpilih bagi pemetaan isu di zon utara, iaitu di Perak: Gopeng, Teluk Intan, Lumut, Larut, dan Padang Rengas; di Kedah: Padang Terap, Kuala Kedah, dan Kulim Bandar Baharu; serta di Pulau Pinang: Balik Pulau. Parlimen-parlimen ini memperlihatkan corak isu yang berulang, terutama dalam aspek sosial, ekonomi, infrastruktur asas, alam sekitar dan tadbir urus, yang perlu dianalisis secara kolektif untuk memahami pola pembangunan di zon ini.

Secara positif, zon utara mempunyai tenaga kerja belia yang besar, kepelbagaian sumber ekonomi, dan nilai komuniti yang masih kuat. Terdapat usaha aktif oleh komuniti setempat di Gopeng dan Balik Pulau untuk mengembangkan perusahaan kecil dan makanan tradisi, selain inisiatif pelancongan komuniti yang muncul di Larut dan Kuala Kedah. Potensi pengembangan sektor pelancongan juga tinggi, misalnya ekopelancongan di Lumut dan agro-pelancongan sawah padi di Kedah. Dari sudut tadbir urus, terdapat sokongan agensi di beberapa parlimen seperti Teluk Intan dan Kulim Bandar Baharu dalam memberi latihan dan bantuan asas kepada usahawan mikro.

Namun begitu, isu sosial seperti penagihan dadah yang ketara di Padang Terap, Lumut dan Larut mengancam masa depan belia, selain gejala judi dan lumba haram yang turut disebut di Kuala Kedah. Kos sara hidup tinggi dan peluang pekerjaan terhad menjadi aduan berulang di Teluk Intan, Gopeng, Balik Pulau dan Kulim Bandar Baharu, sehingga mendorong penghijrahan belia ke bandar besar. Infrastruktur asas yang lemah masalah bekalan air di Larut dan Kulim Bandar Baharu, ketiadaan lampu jalan di Kuala Kedah, jambatan rosak di Teluk Intan, serta kekurangan doktor pakar di Hospital Selama terus menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, ancaman banjir berulang di Kuala Kedah dan Kulim Bandar Baharu, pencemaran sungai akibat kuari di Gopeng, serta hakisan tebing pesisir di Perak menimbulkan risiko jangka panjang kepada kelangsungan ekosistem dan ekonomi tempatan.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan zon utara mempunyai potensi besar dari segi pertanian, pelancongan dan keusahawanan komuniti, tetapi masih berdepan cabaran struktural yang perlu ditangani secara bersepadu. Intervensi yang menggabungkan

pembangunan ekonomi mapan, penyelesaian isu sosial belia, peningkatan infrastruktur asas dan pengurusan alam sekitar yang lestari akan memperkukuh daya tahan komuniti, mengurangkan jurang bandar-luar bandar, serta menjadikan zon utara lebih inklusif dan seimbang dalam pembangunan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhrudin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamshulkahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHAH	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHAH	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Raine Melissa Riman
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

BAHAGIAN A

Laporan Pemetaan Isu

P. 074 Lumut

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN LUMUT,
YB KOMANDER NORDIN AHMAD ISMAIL TLDM (PESARA)



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

14 - 16 Feb 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Kampung Kayan
2. FGD 2: Komuniti Nelayan Sungai Limau Lekir dan Persatuan Aktivis Sahabat Alam
3. FGD 3: Komuniti Belia Pulau Pangkor

HARI 3

7. FGD 7: Komuniti Kaum Ibu Taman Sri Batik
8. FGD 8: Komuniti Peniaga Pekan Lumut dan Peniaga Esplanade

HARI 2

4. FGD 4: Komuniti Nelayan Sungai Permatang
5. FGD 5: Komuniti Persatuan Veteran TLDM Perak
6. FGD 6: Komuniti Permatang

PASUKAN PENYELIDIK



DR. THANARAJ MURUDI
(Ketua Penyelidik)



MARY MALAR XAVIER
(Pembantu Penyelidik)



FAIZZUL AMRI
(Penyelaras Tempatan)



HASNATULSYAKHIRA
(Ejen SDG)

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 14-16 FEB 2025 (JUMAAT - AHAD)





11 DISEMBER 2024 - MESYUARAT AWALAN

Dr. Thanaraj Murudi telah mengetuai mesyuarat awalan bersama YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara), Ahli Parlimen Lumut. Mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan pelaksanaan pemetaan SDG di kawasan Lumut, yang dijadualkan berlangsung pada 14 hingga 16 Februari 2025. Sesi ini memberi tumpuan kepada penyelarasan aktiviti dan kerjasama strategik untuk memastikan proses pemetaan berjalan lancar dan memberi manfaat kepada komuniti setempat.



14 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

APPGM-SDG yang diwakili oleh Dr. Thanaraj Murudi telah mengadakan mesyuarat pra-lawatan bersama Tn. Shamsul Ridzuan Idris, Pegawai Daerah Manjung, di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung bagi Parlimen Lumut. Tn. Shamsul Ridzuan Idris memberikan gambaran menyeluruh tentang Parlimen Lumut serta input sosio-ekonomi kawasan tersebut. Beliau turut bersetuju untuk menganjurkan sesi Antara Agensi pada bulan Februari bagi membincangkan inisiatif dan kerjasama antara agensi untuk pembangunan kawasan.

06 FEBRUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Sesi pemprofilan bagi Parlimen Lumut telah diadakan bersama YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Pesara) dan Pegawai Kawasan, En. Azham. Perbincangan ini merangkumi pengenalan APPGM-SDG, profil Parlimen Lumut, serta tentatif lawatan tiga hari yang dirancang untuk memperincikan keperluan dan peluang pembangunan mampan di kawasan ini. Dalam sesi ini, DUN Pasir Panjang dan Pangkor turut dikenal pasti sebagai fokus pemprofilan. Proses pemetaan SDG bagi Parlimen Lumut akan berlangsung dari 14 hingga 16 Februari 2025.





FGD 1: KOMUNITI KAMPUNG KAYAN

FGD1 telah berlangsung pada 14 Febuari 2025 bertempat di Kedai Makan Rashid, Kampung Kayan bersama Komuniti Kampung Kayan. Beberapa isu utama yang telah diutarakan termasuklah: **(1)** peserta FELCRA tidak menerima sebarang insentif dan dividen di mana tanah pertanian adalah kepunyaan mereka; **(2)** penggunaan dadah di kalangan belia tempatan yang berleluasa; **(3)** kekurangan peluang perkerjaan di Kampung Kayan; **(4)** sambungan internet yang tidak stabil; **(5)** tiada lampu jalan raya; **(6)** kekurangan jumlah murid di SJK(T) Sungai Kayan yang terdiri daripada 5 orang murid sahaja. Ini disebabkan oleh tiada penempatan semula bagi pekerja *estate* di kalangan masyarakat India; **(7)** kedatangan warga asing tanpa izin dalam bilangan yang banyak telah menjejaskan peluang perkerjaan warga tempatan; dan **(8)** Projek Udag telah mengganggu aspek ekonomi dan sosial masyarakat tempatan.



FGD 2: KOMUNITI NELAYAN SUNGAI LIMAU LEKIR & PERSATUAN AKTIVIS SAHABAT ALAM

FGD 2 bersama 15 orang Komuniti Nelayan Sungai Limau Lekir dan Persatuan Aktivitis Sahabat Alam diadakan di Kampung Sungai Limau Lekir. Antara isu yang telah dikongsikan ialah penerokaan hutan paya bakau secara haram bagi operasi kolam udang. **(1)** Hal ini telah menjejaskan pendapatan nelayan persisiran pantai; **(2)** hakisan tanah yang mengancam keselamatan penempatan penduduk setempat; dan **(3)** ekosistem hutan paya bakau yang sedia ada terganggu dan menyebabkan kepupusan pokok bakau jenis pokok perepat yang dikatakan hanya terdapat di kawasan Lumut sahaja. **(4)** Pencemaran air di kawasan setempat yang disebabkan bahan kimia yang dilepaskan daripada operasi kolam udang; **(5)** kesihatan penduduk setempat yang turut terjejas selepas memakan hasil laut yang ditangkap di kawasan yang tercemar; **(6)** aktiviti ini juga telah menjejaskan ekosistem hidupan air seperti beberapa jenis siput, ketam serta ikan di persisiran sungai yang terjejas



FGD 3: KOMUNITI BELIA PULAU PANGKOR

FDG 3 telah berlangsung bersama 10 orang komuniti belia Pulau Pangkor di hadapan Masjid Terapung, Pulau Pangkor. Antara isu yang telah dikongsikan ialah: **(1)** kemudahan sukan yang tidak lengkap menyebabkan golongan belia mudah terperangkap dalam aktiviti yang tidak sihat dan golongan belia juga terpaksa menuju ke Tanah Besar untuk memperoleh akses kepada kemudahan sukan, yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi; **(2)** harga tambang feri yang dikenakan ke atas penduduk tempatan adalah tidak wajar dan tidak mengambil kira kepentingan serta keperluan komuniti setempat; **(3)** peluang perniagaan dalam komuniti hanya mengalami peningkatan apabila kedatangan pelancong, yang kebanyakannya berlaku pada hujung minggu dan hujung bulan; **(4)** tiada saluran maklumat yang jelas dan teratur mengenai bantuan kerajaan serta inisiatif lain; malah, ketua kampung sendiri sering kekurangan informasi yang tepat; dan **(5)** suara golongan belia sering diabaikan dalam proses perancangan dan pembangunan komuniti.



FGD 4: KOMUNITI NELAYAN SUNGAI PERMATANG

FDG 4 bersama komuniti Nelayan Sungai Permatang yang dijalankan telah melibatkan 5 orang komuniti tempatan. Sepanjang sesi berlangsung, isu-isu yang telah dikemukakan adalah: **(1)** kebajikan nelayan yang tidak diendahkan; **(2)** permohonan untuk lesen bot serta lesen memancing yang mengambil masa yang terlalu lama dan juga terhad; **(3)** aktiviti rekreasi seperti membawa pelancong untuk memancing hanya dipromosikan oleh nelayan yang terlibat, tanpa sebarang sokongan atau promosi daripada pihak pelancongan atau agensi berkaitan; **(4)** infrastruktur jalan raya tidak sempurna; dan **(5)** masalah air yang tidak diendahkan sehingga masyarakat tempatan terpaksa melakukan kerja paip dengan sendiri telah dibangkitkan oleh komuniti tempatan. Selain itu, **(6)** kekurangan ikan dan species hidupan air kerana pencemaran air yang berlaku daripada Hospital Manjung sekaligus menjejaskan pendapatan nelayan tempatan; dan **(7)** tiadanya perkhidmatan pungutan sampah juga menyumbang kepada pencemaran dimana penduduk tempatan membakar sampah serta ada yang membuang sampah ke sungai.



FGD 5: KOMUNITI PERSATUAN VETERAN TLDM PERAK

FGD 5 telah diadakan di Pejabat Persatuan Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (PVTLDM) bersama 15 ahli veteran dari PV-ATM dan PV-TLDM. Beberapa isu kebajikan veteran ATM telah dibangkitkan. Antara isu yang dikongsi termasuklah: **(1)** kebajikan ahli veteran yang tidak dijaga dengan baik; **(2)** ketiadaan kelayakan dalam pembelian rumah dan tanah bagi ahli yang telah berpencen; **(3)** kesukaran mendapatkan pinjaman untuk memulakan perniagaan; **(4)** veteran tidak menerima keutamaan di hospital; dan **(5)** tiada bantuan khas bagi mereka yang telah berusia serta jatuh sakit. **(6)** Isu seperti ketiadaan pusat aktiviti atau pusat jagaan khas untuk veteran ATM serta ketiadaan dana khas bagi menjaga kebajikan ahli yang sakit terlantar turut menjadi perhatian utama dalam perbincangan ini.



FGD 6: KOMUNITI PERMATANG

FGD 6 bersama Komuniti Permatang di Pondok Haji Nahar telah membincangkan pelbagai isu. Masalah yang diutarakan ialah: **(1)** isu pukut tunda haram yang sering melanggar had zon, menyebabkan pendapatan nelayan Zon A terjejas; **(2)** pukut tunda yang merosakkan pukut nelayan serta meninggalkan bahan buangan mencemarkan peralatan mereka; **(3)** harga peralatan nelayan seperti pukut terlalu mahal dan perlu dibayar tunai, menjadi bebanan kepada mereka; **(4)** walaupun nelayan menerima sara hidup RM300 dan subsidi minyak, pendapatan mereka masih tidak stabil; **(5)** penggunaan bubu naga yang mengurangkan hasil tangkapan nelayan dan menjejaskan ekosistem; **(6)** keperluan menambah tukun tiruan bagi meningkatkan pembiakan ikan dan mewujudkan blok pukut tunda; **(7)** keperluan membina port penguatkuasaan berdekatan supaya pihak berkuasa dapat membantu nelayan dengan lebih berkesan; **(8)** pencemaran akibat operasi janakuasa elektrik besar; **(9)** paya bakau tidak diberi perhatian dan terancam akibat pembangunan; dan **(10)** perlunya kursus membantu nelayan membaiki bot mereka sendiri.



FGD 7: KOMUNITI KAUM IBU TAMAN SRI BATIK

FGD7 bersama Komuniti Kaum Ibu Taman Sri Batik yang terdiri daripada 17 peserta, termasuk ibu tunggal dan pesara TLDM, membincangkan beberapa isu yang dihadapi. Masalah yang diutarakan ialah: **(1)** pendapatan peniaga tempatan di Teluk Batik terjejas akibat kehadiran pihak luar yang mengadakan ekspo perniagaan setiap cuti panjang dan cuti sekolah; **(2)** ancaman buaya di Teluk Batik yang turut menjejaskan pendapatan peniaga; **(3)** peluang terhad untuk menghadiri kursus bagi mempelajari kemahiran baharu; **(4)** kekurangan kemahiran dalam penggunaan pembayaran atas talian yang menyebabkan sesetengah individu menjadi mangsa penipuan; **(5)** masalah monyet liar yang membimbangkan penduduk serta menjejaskan kebersihan pantai, menyebabkan Teluk Batik kurang menjadi pilihan pelancong; dan **(6)** permohonan serta bayaran pencen pesara TLDM yang tidak diselaras dengan baik.



FGD 8: KOMUNITI PENIAGA PEKAN LUMUT DAN PENIAGA *ESPLANADE*

FGD 8 bersama Komuniti Peniaga Pekan Lumut dan Peniaga *Esplanade* di Kedai Haji Sabaruddi yang melibatkan 17 peserta telah membincangkan pelbagai isu. Masalah yang diutarakan ialah: **(1)** isu burung gagak yang tidak terkawal, mengganggu aktiviti penjualan hasil laut, mencuri makanan pelanggan, dan menyebabkan kekotoran di premis sekitar; **(2)** isu parking di pekan Lumut, di mana saman masih dikeluarkan pada hujung minggu walaupun daerah lain tidak berbuat demikian; **(3)** lokasi parking bas yang kurang sesuai, menyebabkan kesesakan lalu lintas dan mengganggu premis jualan; **(4)** kekurangan parking yang menyebabkan kenderaan tetap disaman, dengan cadangan menambah parking di lot tanah kosong berhampiran jeti; **(5)** keadaan Jeti Lumut yang kurang diselenggara, termasuk surau yang sempit dan tidak selesa selepas dipecahkan untuk kedai makan, serta tandas yang hanya dibuka pada waktu siang, menyukarkan pengunjung malam; **(6)** jadual feri yang terlalu berjarak, menyebabkan pengunjung menunggu lama tanpa ruang menunggu yang selesa; **(7)** kurangnya tarikan pelancongan di Lumut tanpa pembangunan tempat menarik; **(8)** Penurunan jumlah pengunjung yang menggunakan feri ke Pulau Pangkor dari Jeti Lumut kerana lebih ramai memilih feri dari Marina Island, yang mendapat lebih promosi dan sokongan; **(9)** infrastruktur yang tidak diselenggara, termasuk bangunan yang tidak dicat dan bangunan terbiar tanpa usaha pembangunan semula; **(10)** isu harga makanan mahal di Pulau Pangkor yang menjejaskan pendapatan peniaga di Lumut akibat kesan viral negatif; **(11)** kurangnya tarikan di sekitar Taman Esplanade menyebabkan kurang pengunjung dan suasana yang hambar; **(12)** ketiadaan lampu yang menyebabkan suasana gelap dan ramai pengunjung memilih ke Marina Wing; dan **(13)** ketiadaan surau di Taman Esplanade untuk kemudahan solat pengunjung.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P. 074 Lumut

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Lumut
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Kulim Bandar Baharu
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Ringkasan Isu 1
Jadual 13	Ringkasan Isu 2
Jadual 14	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Rajah

Rajah 1	Lumut <i>Port Industril Park</i>
Rajah 2	Mesyuarat Inter-Agensi P074 Lumut

Senarai Singkatan

UN	Dewan Undangan Negeri
PN	Perikatan Nasional
PRU	Pilihan Raya Umum
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN

Parlimen Lumut terletak di negeri Perak dan meliputi kawasan seluas 343 kilometer persegi. Kawasan parlimen ini merangkumi dua Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Pasir Panjang dan DUN Pangkor.¹ Menurut Pusat Khidmat Parlimen, Lumut mempunyai jumlah penduduk seramai 126,600 orang. Manakala, bilangan pengundi berdaftar setakat tahun 2023 ialah seramai 92,972 orang.² Parlimen Lumut terletak di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Manjung serta Majlis Perbandaran Manjung. Pejabat Daerah dan Tanah Manjung bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran daerah, pengurusan tanah, pembangunan, dan penyelesaian isu-isu tempatan. Sementara itu, Majlis Perbandaran Manjung bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan awam di kawasan perbandaran, termasuk pengurusan pembuangan sampah, penyelenggaraan jalan, dan pembangunan bandar. Kedua-dua badan ini memainkan peranan penting dalam memastikan kesejahteraan masyarakat di Parlimen Lumut, serta merancang dan melaksanakan pelbagai inisiatif pembangunan ekonomi dan sosial.



**YB Komander Nordin bin
Ahmad Ismail
TLDM (Bersara)**

Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang diadakan pada 19 November 2022, kerusi Parlimen Lumut telah dimenangi oleh Komander (Bersara) Nordin Ahmad Ismail dari parti BERSATU yang merupakan gabungan Perikatan Nasional (PN) dengan memperoleh 25,212 undi. Majoriti undi yang diperoleh oleh YB Nordin Ahmad Ismail adalah sebanyak 363 undi. Justeru, pemetaan isu Parlimen Lumut diadakan dengan kerjasama rapat YB Komander (Bersara) Nordin Ahmad Ismail.

Di Parlimen Lumut, terdapat dua mukim, iaitu Mukim Lekir dan Mukim Lumut. Mukim Lekir mempunyai keluasan sebanyak 13,730 hektar, yang merangkumi 11.76 peratus daripada keseluruhan kawasan. Sementara itu, Mukim Lumut dan Pulau Pangkor meliputi kawasan seluas 25,120 hektar, mewakili 21.51 peratus daripada jumlah

¹ Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. *Statistik subnasional: Parlimen Lumut, Perak*. Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=76701>

² Pusat Khidmat Parlimen Lumut. (2025). *Borang Profil Parlimen*.

keseluruhan.³ Mukim Lekir mempunyai 10 kampung, manakala Mukim Lumut mempunyai 11 kampung.⁴

BIL	MUKIM LEKIR	MUKIM LUMUT
1	Kg. Batu 10	Kg. Batu 3 Segari
2	Kg. Pasir Pandak	Kg. Tersusun Pundut
3	Kg. Batu 8	Kg. Bharu (L) Ayer Tawar
4	Kg. Sungai Tiram	Kg. Padang Tembak / Teluk Muruh
5	Kg. Kayan	Kg. Telaga Nenas (L) Ayer Tawar
6	Kg. Tanjung Kepah	Kg. Teluk (L) Ayer Tawar
7	Kg. Batu 14	Kg. Teluk Gedong, Pulau Pangkor
8	Kg. Batu 15	Kg. Teluk Raja Bayang, Pulau Pangkor
9	Kg. Desa Pemark	Kg. Sungai Pinang Besar, Pulau Pangkor
10	Kg. Tersusun Batu 7	Kg. Teluk Dalam, Pulau Pangkor
11		Kg. Telok Kecil

Sumber: Pejabat Daerah dan Tanah Manjung

Mukim Lekir merupakan salah satu kawasan utama dalam Parlimen Lumut yang menempatkan beberapa kampung tradisional dan kawasan pertanian. Kampung-kampung di bawah Mukim Lekir memainkan peranan penting dalam sektor pertanian, perikanan, dan perusahaan kecil yang menyokong ekonomi tempatan. Mukim Lumut pula terkenal sebagai pusat aktiviti maritim dan pelancongan, selain menempatkan pangkalan tentera laut yang penting bagi pertahanan negara. Kampung-kampung di kawasan ini turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi, khususnya dalam sektor pelancongan dan perikanan. Walaupun Mukim Sitiawan sering dikaitkan dengan kawasan sekitar, ia sebenarnya tidak termasuk dalam senarai mukim yang berada di bawah Parlimen Lumut (Pusat Khidmat Parlimen, 2025).

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Lumut terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia. Ia bersempadan dengan Laut China Selatan di timur dan terdiri daripada kawasan-kawasan pesisir serta kawasan pedalaman yang lebih berbukit. Parlimen ini juga termasuk kawasan-kawasan pesisir yang membentuk sebahagian daripada daerah Manjung.

Selain menjadi kawasan strategik di Perak, Parlimen Lumut turut menempatkan beberapa institusi penting, termasuk pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)

³ Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. (n.d.). *Info Ringkas*. Pejabat Tanah dan Galian Perak. Diperoleh pada 26 Februari 2025, daripada <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas1>

⁴ Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. (n.d.). *Info Ringkas*. Pejabat Tanah dan Galian Perak. Diperoleh pada 26 Februari 2025, daripada <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas1>

yang merupakan antara aset pertahanan utama negara. Selain itu, bandar Lumut juga dikenali sebagai pintu masuk utama ke Pulau Pangkor, sebuah destinasi pelancongan popular di Malaysia. Ekonomi di kawasan ini banyak bergantung kepada industri pelancongan, perikanan, serta aktiviti berkaitan maritim.

Topografi kawasan Parlimen Lumut adalah gabungan keindahan alam semula jadi yang memukau. Sebahagian besar kawasan ini terletak di pesisir pantai, dengan beberapa pulau kecil yang tersebar di Laut China Selatan, termasuk Pulau Pangkor yang terkenal sebagai destinasi pelancongan yang mempesona. Pantainya yang indah serta air laut yang tenang menambah pesona kawasan ini. Di sebelah barat, kawasan Lumut berubah menjadi kawasan berbukit dan bukit rendah, yang merangkumi hutan-hutan subur serta tanah tinggi. Bahagian ini merupakan sebahagian daripada kawasan tanah rendah yang menyambung ke Banjaran Titiwangsa di timur. Selain itu, beberapa sungai yang mengalir ke Laut China Selatan membahagi kawasan Parlimen Lumut, memberikan sumbangan penting kepada ekosistem tempatan serta menyokong aktiviti pertanian di kawasan sekitarnya.

Lumut juga dikenali sebagai kawasan bandar yang pesat membangun dengan sektor perkhidmatan, pelancongan, dan perindustrian. Ia mempunyai pelabuhan utama di Lumut, yang merupakan pintu masuk ke Pulau Pangkor dan menjadi hub perdagangan yang penting. Lumut juga mempunyai kawasan perumahan, kemudahan awam, dan industri kecil serta sederhana. Secara keseluruhannya, parlimen Lumut mempunyai pelbagai ciri geografi dan topografi, daripada pesisir pantai yang indah hingga ke kawasan perbukitan dan bandar yang berkembang pesat.

1.2 Komposisi Penduduk

Komposisi penduduk di kawasan Parlimen Lumut pada tahun 2023 mencatatkan jumlah keseluruhan seramai 125,600 orang. Majoriti penduduk terdiri daripada kaum Bumiputera, termasuk Melayu, yang berjumlah 96,842 orang atau 82.2 peratus daripada keseluruhan populasi. Kaum Cina merupakan kumpulan etnik kedua terbesar dengan 10,603 orang, bersamaan 9.0 peratus daripada jumlah penduduk. Seterusnya, kaum India mencatatkan jumlah seramai 10,014 orang, mewakili 8.5 peratus daripada populasi di Lumut. Sementara itu, penduduk daripada kaum lain-lain pula berjumlah 353 orang, iaitu sekitar 0.3 peratus daripada keseluruhan penduduk. Komposisi etnik ini mencerminkan kepelbagaian masyarakat di Lumut yang hidup dalam suasana harmoni dan saling berinteraksi dalam pelbagai aspek kehidupan sosial dan ekonomi.

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Lumut

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera/Melayu	96,842	82.2
2.	Cina	10,603	9.0
3.	India	10,014	8.5
4.	Lain-Lain	353	0.3
JUMLAH KESELURUHAN		125,600	100

Sumber: Pusat Khidmat Parlimen Lumut

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Kawasan Parlimen Lumut mempunyai kepelbagaian kegiatan ekonomi utama yang merangkumi sektor perindustrian, perikanan, pelancongan, dan perkhidmatan.

- **Perindustrian**

Berdasarkan lawatan tapak serta rujukan kepada pelan guna tanah semasa rancangan tempatan, aktiviti perindustrian di Lumut tertumpu kepada sektor pembinaan kapal dan kejuruteraan marin, terutamanya di kawasan Limbungan TLDM dan Lumut Maritime Terminal, yang menjadi hab penting bagi industri maritim di Malaysia. Pelabuhan Lumut, yang merangkumi Terminal Maritim Lumut (LMT) dan Lekir Bulk Terminal (LBT), telah memainkan peranan penting dalam merangsang perkembangan sosio ekonomi daerah Manjung, Perak. Sejak dibuka pada tahun 1995, pelabuhan ini menunjukkan potensi besar dalam industri kargo pukal dan menjadi rakan strategik kepada Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah (SJSAS) serta Vale, memperkukuhkan kedudukannya sebagai platform perniagaan maritim. Antara tahun 1995 hingga 2000, Pelabuhan Lumut berkembang pesat dengan memainkan peranan utama dalam industri kargo, diikuti dengan peningkatan pengendalian komoditi dan pertumbuhan kargo pukal kering serta cecair antara tahun 2001 hingga 2005. Dalam tempoh 2005 hingga 2010, pelabuhan ini terus memperluaskan operasi serta meningkatkan keupayaan infrastrukturnya, mencapai kejayaan bersama rakan perniagaan strategik. Secara keseluruhan, Pelabuhan Lumut bukan sahaja menjadi pemacu pembangunan prasarana dan infrastruktur, tetapi juga berperanan sebagai pusat industri berasaskan teknologi maritim yang penting di rantau ini.⁵

⁵ Shuhaili, A. F. A., & Ariffin, K. (2024). Isu-isu sosioekonomi berkaitan pembukaan Pelabuhan Lumut Perak (1995-2010): Socioeconomic Issues Related To The Opening Of Lumut Port, Perak (1995-2010). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 35(2), 47-80.



Rajah 1. Lumut Port Industrial Park

Sumber: Kosmo⁶

- **Perikanan**

Selain itu, sektor perikanan di Lumut juga memainkan peranan utama, khususnya di Kampung Aceh dan Pulau Pangkor, di mana komuniti nelayan tempatan bergantung kepada hasil laut sebagai sumber pendapatan utama. Namun, sektor ini berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuk pencemaran laut akibat aktiviti perindustrian dan pembangunan pesisir pantai, yang menjejaskan ekosistem marin dan mengurangkan hasil tangkapan. Selain itu, perubahan iklim turut memberi kesan kepada pola migrasi ikan, menjadikan sumber perikanan semakin tidak menentu. Tambahan pula, kos operasi yang meningkat, seperti harga bahan api dan penyelenggaraan bot, menambah beban kepada nelayan kecil yang bergantung sepenuhnya kepada hasil tangkapan harian.

Di Lumut, kuantiti pendaratan ikan mencatatkan sebanyak 4,779.77 tan, dengan nilai pendaratan mencapai RM26,302,912.50 pada tahun 2021. Ini menunjukkan jumlah yang signifikan dalam sektor perikanan dan memperlihatkan kepentingan ekonomi kawasan ini, di mana hasil laut memberikan sumbangan penting kepada pendapatan masyarakat setempat dan negara. Negeri Perak juga mencatatkan jumlah pendaratan ikan marin yang tertinggi pada tahun 2024.⁷

⁶ KOSMO! (2023, December 8). *Transformasi LuMIC perkukuh industri maritim negeri Perak*. KOSMO! Digital. <https://www.kosmo.com.my/2023/12/08/transformasi-lumic-perkukuh-industri-maritim-negeri-perak/>

⁷ Bernama, *Perak catat pendaratan ikan tertinggi di Malaysia pada 2024 - LKIM*, February 25, 2025, <https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/sukan/nnews.php?id=2396446>.

- **Pelancongan**

Sektor pelancongan turut menyumbang kepada ekonomi tempatan dengan kehadiran Pulau Pangkor sebagai destinasi percutian utama yang menarik pelancong domestik dan antarabangsa, menyokong perkembangan industri hospitaliti dan perniagaan kecil seperti inap desa serta restoran makanan laut. Perancangan Bandar Pertahanan di Lumut, Perak juga sedang dalam perancangan untuk menjadi Bandar Pertahanan ketiga di Malaysia selepas Subang, Selangor dan Lipis, Pahang. Kerajaan negeri kini sedang memperhalusi cadangan ini untuk memastikan ia memberi impak positif kepada pembangunan dan pelancongan daerah Manjung. Konsep Bandar Pertahanan ini diharapkan dapat menarik lebih ramai orang ke kawasan tersebut. Namun, kerajaan negeri meminta supaya cadangan ini diperhalusi lebih lanjut, terutama melibatkan isu tanah, sempadan, serta kerjasama dengan beberapa kementerian lain seperti Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan Pejabat Tanah dan Galian. Penubuhan Bandar Pertahanan di Lumut akan menjadi sumber kewangan tambahan bagi kerajaan negeri, dengan sokongan dari Pangkalan Tentera Laut Diraja (TLDM), Lumut Port, dan Pulau Bebas Cukai di Pangkor. Selain itu, kerajaan negeri juga akan bekerjasama dengan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk menjayakan enam agenda utama dalam Pelan Perak Sejahtera 2030, termasuk memperkukuhkan sekuriti makanan, memperkasa koridor TVET, perlombongan lestari, ekonomi digital, pembuatan keputusan berpaksikan data, dan tadbir urus projek berkepentingan negeri.

Di samping itu, sektor perkhidmatan seperti perdagangan dan pentadbiran awam juga berkembang pesat, didorong oleh kepesatan pembangunan bandar di Seri Manjung yang berfungsi sebagai pusat komersial utama di kawasan ini. Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), sektor perindustrian dan perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Parlimen Lumut, sejajar dengan pertumbuhan pesat infrastruktur dan peningkatan peluang pekerjaan di kawasan ini.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Kontek Tempatan

Dalam menghuraikan hubungan antara kerangka konseptual SDG dan konteks tempatan di kawasan Parlimen Lumut, terdapat beberapa aspek utama yang perlu diberi perhatian, yang merangkumi keadaan fizikal, ekonomi, budaya, sosial, sejarah, dan keunikan kawasan tersebut. Penjelasan komprehensif mengenai tujuh konteks tempatan ini dapat dihubungkan dengan Matlamat dan Sasaran SDG (*Sustainable Development Goals*), untuk memperlihatkan bagaimana pembangunan berkelanjutan dapat dilaksanakan di kawasan tersebut.

Lokasi Fizikal (Bandar, Kampung, Persisiran Pantai, Hutan)

Kawasan Parlimen Lumut terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia, yang terdiri daripada kawasan bandar, kampung, serta persisiran pantai. Keunikan geografi ini menyediakan potensi dalam pembangunan ekonomi dan pelancongan, tetapi juga memerlukan perhatian terhadap pemeliharaan alam sekitar. Sebagai contoh pada tahun 2024, empat lokasi di Pulau Pangkor, iaitu Teluk Nipah, Teluk Dalam, Teluk Gedung, dan Tanjung Kelawai, mengalami kesan hakisan pantai yang serius. Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Manjung, mengesahkan bahawa pihaknya telah meneliti keseluruhan 32 kilometer panjang pantai di pulau tersebut, di mana keempat-empat lokasi berkenaan telah dikenal pasti sebagai kawasan yang paling terjejas akibat ombak. Garis pantai di kawasan tersebut telah dimasukkan dalam kategori pertama yang menghadapi ancaman hakisan pantai serius, dengan kira-kira 350 rumah nelayan di kawasan tersebut berisiko untuk musnah akibat fenomena ini.⁸

Lumut berfungsi sebagai pintu masuk utama ke Pulau Pangkor, dilengkapi dengan terminal jeti moden serta laluan darat yang baik melalui Lebuhraya Persekutuan, memudahkan perjalanan dan meningkatkan aksesibiliti ke kawasan sekitar. Di kawasan Lumut, terdapat kemudahan awam yang lengkap, termasuk hospital utama seperti Hospital Seri Manjung, klinik kesihatan, serta institusi pendidikan terkemuka seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL), yang memberikan sokongan kepada penduduk tempatan dan pengunjung. Pelabuhan Lumut merupakan hab logistik yang penting, memainkan peranan utama dalam sektor perkapalan dan pengangkutan. Selain itu, kawasan industri di sekitar pelabuhan turut menyediakan pelbagai peluang pekerjaan, menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi setempat. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi: Meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan dalam sektor ekonomi utama kawasan tersebut.

Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan **pelancongan mampan** yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan.

SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan: Penekanan pada pembangunan bandar yang inklusif dan mampan dengan menjaga ekosistem semula jadi.

Sasaran 11.2: Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua,

⁸ Hadi, R. (2023, January 9). *4 lokasi di Pulau Pangkor diancam hakisan pantai* [Video]. Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/01/922216/4-lokasi-di-pulau-pangkor-diancam-hakisan-pantai-metrotv>

meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus pada keperluan golongan berisiko, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas.

Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.

SDG 14: Hidupan Laut: Melindungi dan memelihara ekosistem pesisir dan laut yang terancam di kawasan persisiran pantai.

Sasaran 14.2: Menjelang 2020, menguruskan dan melindungi ekosistem laut dan pantai secara lestari untuk mengelakkan kesan buruk yang signifikan, termasuk dengan memperkukuh daya tahan ekosistem, dan bertindak ke arah pemulihannya demi lautan yang sihat dan produktif.

Keadaan Ekonomi Tempatan yang Dominan

Ekonomi kawasan ini didominasi oleh sektor perikanan, pelancongan, dan pembuatan, terutamanya industri yang berkait rapat dengan pelabuhan dan sektor maritim. Keadaan ekonomi ini memberi peluang untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat melalui pelaburan dalam sektor-sektor ini. Namun, Pekan Lumut di Perak, yang dahulunya dikenali sebagai pusat aktiviti maritim, pelancongan, dan Bandar Tentera Laut yang meriah, kini semakin sunyi dan kehilangan daya tarikan pelancong. Sebelumnya, Lumut menjadi destinasi popular bagi pelancong yang ingin menikmati pemandangan indah di pesisir pantai yang menghadap Selat Dinding dan Selat Melaka, serta sebagai titik permulaan perjalanan ke Pulau Pangkor dengan menaiki feri. Namun, keadaan ini telah berubah seiring dengan pembukaan Jeti Marina di Jalan Teluk Muroh, yang menawarkan alternatif lebih mudah dan cepat untuk perjalanan ke Pulau Pangkor. Akibatnya, Lumut kini kurang dikunjungi pelancong luar, menjadikan pekan ini semakin sepi dan tidak lagi seaktif dahulu.⁹ Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi: Meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan dalam sektor ekonomi utama kawasan tersebut.

⁹ Utusan Malaysia, "Lumut pekan mati, peniaga 'menganggur'," *Utusan Malaysia*, November 2024, <https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/lumut-pekan-mati-peniaga-menganggur/>.

Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, peningkatan teknologi dan inovasi, termasuk dengan penekanan kepada sektor berintensif tinggi nilai tambah dan berintensif buruh.

Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang sesuai, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan.

SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur: Meningkatkan akses kepada infrastruktur yang mampan dan mendorong inovasi dalam industri tempatan.

Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia.

Sasaran 9.3: Meningkatkan akses industri berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan, termasuk kredit mampu milik serta penyepaduannya ke dalam rantai nilai dan pasaran.

Sasaran 9.b: Menyokong pembangunan teknologi domestik, penyelidikan dan inovasi dalam sektor perindustrian, termasuk dengan mewujudkan persekitaran dasar yang menyokong kepelbagaian industri dan penambahan nilai kepada komoditi.

Budaya (Nilai Masyarakat)

Kawasan Parlimen Lumut memiliki masyarakat yang pelbagai dari segi budaya dan etnik, dengan pengaruh besar daripada komuniti Melayu, Cina, dan India. Nilai-nilai budaya ini penting dalam memperkukuhkan keharmonian sosial dan kesedaran akan pentingnya memelihara warisan budaya. Komuniti di kawasan ini aktif menganjurkan pelbagai aktiviti seperti sukan komuniti, program kebajikan, dan karnival, yang melibatkan penyertaan masyarakat secara langsung. NGO dan persatuan penduduk turut memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui inisiatif-inisiatif sosial dan kebajikan. Penduduk tempatan turut terlibat secara aktif dalam sektor pelancongan melalui penyediaan perkhidmatan homestay dan perniagaan kedai makan. Inisiatif ini bukan sahaja menyediakan peluang

ekonomi, tetapi juga berperanan dalam mempromosikan budaya dan warisan tempatan, sekaligus meningkatkan kesedaran pelancong terhadap nilai-nilai tradisional dan keunikan daerah tersebut. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 16: Keamanan, Keadilan, dan Institusi yang Kuat – Mewujudkan masyarakat yang inklusif dan harmoni melalui pemeliharaan nilai budaya tempatan.

Sasaran 16.6: Membangunkan institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan telus di semua peringkat.

Sasaran 16.7: Memastikan membuat keputusan yang responsif, inklusif, penyertaan dan mewakili di semua peringkat.

Sasaran 16.10: Menjamin akses kepada maklumat dan melindungi kebebasan asas, selaras dengan undang-undang negara dan perjanjian antarabangsa.

Sasaran 16.b: Menggalakkan dan menguatkuasakan undang-undang dan dasar bukan diskriminasi untuk pembangunan mampan.

SDG 4: Pendidikan Berkualiti – Menggalakkan pendidikan mengenai kepelbagaian budaya dan warisan tempatan.

Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan bahawa semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan jantina, promosi budaya keamanan dan bukan keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.

Sosial (Hubungan Masyarakat)

Kehidupan sosial masyarakat di Parlimen Lumut cenderung berfokus pada hubungan kekeluargaan dan kerjasama dalam komuniti. Aktiviti sosial yang teratur dan sokongan komuniti membantu membangunkan kapasiti tempatan dalam menghadapi cabaran sosial dan ekonomi. Pelbagai aktiviti masyarakat seperti sukan komuniti, program kebajikan, dan karnival dianjurkan. NGO dan persatuan penduduk aktif membantu masyarakat. Hubungan sosial dan kejiranan di Lumut menunjukkan keharmonian yang tinggi dalam masyarakat berbilang kaum, yang terdiri daripada Bumiputera, Cina, dan India, yang hidup dalam semangat perpaduan. Kehidupan masyarakat yang saling

menghormati ini dapat dilihat melalui sambutan perayaan bersama, memperkukuhkan lagi nilai-nilai integrasi kaum. Selain itu, kawasan perumahan terancang dan hubungan kejiwaan yang erat menjadikan Lumut sebuah tempat tinggal yang selamat dan harmoni. Aktiviti komuniti seperti gotong-royong memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan ikatan sosial antara penduduk, sekali gus mewujudkan suasana kejiwaan yang kukuh dan mesra. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 3: Kehidupan Sihat dan Kesejahteraan – Meningkatkan kesejahteraan sosial melalui aktiviti komuniti yang positif dan inklusif.

Sasaran 3.4: Menjelang 2030, mengurangkan sebanyak satu pertiga kematian pramatang akibat penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan.

SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan – Meningkatkan kesamarataan dalam akses kepada peluang dan sumber untuk semua lapisan masyarakat.

Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasakan dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain.

Sasaran 10.3: Menjamin kesaksamaan peluang dan mengurangkan ketidaksamaan hasil, termasuk melalui penghapusan undang-undang, dasar dan amalan diskriminasi serta menggalakkan dasar dan tindakan yang sesuai dalam hal ini.

Sasaran 10.7: Memudahkan migrasi dan mobiliti manusia yang teratur, selamat, beretika dan bertanggungjawab, termasuk melalui pelaksanaan dasar migrasi yang dirancang dan dikendalikan dengan baik.

Nilai Sejarah

Lumut dikenali dengan sejarahnya sebagai pelabuhan dan pusat perdagangan yang penting, selain menjadi lokasi strategik semasa Perang Dunia Kedua. Memelihara tapak sejarah ini penting untuk meningkatkan pemahaman sejarah tempatan di kalangan generasi muda. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 4: Pendidikan Berkualiti: Meningkatkan kesedaran sejarah dan kepentingan memelihara warisan untuk pendidikan generasi akan datang.

Sasaran 4.7: Menjelang 2030, memastikan bahawa semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan

mampan, termasuk melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan jantina, promosi budaya keamanan dan bukan keganasan, kewarganegaraan global dan penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan sumbangan budaya kepada pembangunan mampan.

SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan: Memelihara tapak sejarah sebagai sebahagian daripada identiti budaya dan warisan kawasan.

Sasaran 11.4: Mengukuhkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia.

Keunikan Kawasan Parlimen

Keunikan Parlimen Lumut terletak pada gabungan antara kekayaan alam semula jadi dan kepelbagaian budaya yang menjadikannya destinasi pelancongan yang menarik. Keindahan alam sekitar seperti pantai, hutan simpan, dan keunikan fauna tempatan harus dilestarikan dalam pembangunan berterusan. Keindahan pantai seperti Teluk Batik, Teluk Senangin, dan Pulau Pangkor menjadikan Lumut sebagai destinasi pelancongan yang popular. Usaha pemeliharaan alam sekitar juga dilaksanakan secara aktif untuk memastikan kebersihan dan kelestarian kawasan semula jadi ini, sekaligus menambah daya tarikan kepada pelancong. Infrastruktur awam seperti jalan raya, taman awam, dan ruang rekreasi diselenggara dengan baik. Pencahayaan jalan yang mencukupi dan kebersihan bandar yang terjaga memberikan keselesaan dan keselamatan kepada penduduk serta pengunjung, menjadikan kawasan tersebut lebih mesra pengguna dan menarik untuk dilawati. Antara SDG berkaitan dengan perkara ini adalah seperti berikut:

SDG 15: Kehidupan di Daratan: Melindungi dan memulihara ekosistem daratan, termasuk kawasan hutan dan fauna tempatan.

Sasaran 15.1: Menjelang 2020, memastikan pemeliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tanah serta perkhidmatan ekosistemnya, khususnya hutan, tanah lembap, gunung dan kawasan separa gersang, selaras dengan kewajipan di bawah perjanjian antarabangsa.

Sasaran 15.5: Mengambil tindakan segera dan ketara untuk mengurangkan kemerosotan habitat semula jadi, menghentikan kehilangan biodiversiti dan melindungi dan mencegah kepupusan spesies terancam.

SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab: Menggalakkan pelancongan yang mampan dan bertanggungjawab di kawasan unik ini.

Sasaran 12.2:Menjelang 2030, mencapai pengurusan mampan dan penggunaan sumber asli yang cekap.

Sasaran 12.8: Menjelang 2030, memastikan bahawa masyarakat di seluruh dunia mempunyai maklumat dan kesedaran yang relevan mengenai pembangunan mampan dan gaya hidup selaras dengan alam sekitar.

Rumusan ini menggambarkan ketersediaan pelbagai kemudahan asas yang menyokong keperluan penduduk dari segi pendidikan, kesihatan, rekreasi, ibadah, pengangkutan, dan infrastruktur. Sebahagian besar kemudahan yang disenaraikan tertumpu kepada keperluan harian penduduk setempat, dengan bilangan kemudahan yang paling banyak adalah tamanpermainan, surau, dan sekolah rendah, yang memberikan kemudahan utama dalam kehidupan seharian penduduk kawasan tersebut. Melalui penghubungkaitkan aspek-aspek tempatan ini dengan Matlamat dan Sasaran SDG, Parlimen Lumut dapat mengarahkan pembangunan ke arah yang lebih inklusif, mampan, dan selaras dengan keperluan masyarakat dan alam sekitar setempat.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

- **Kajian Awal**

Kajian awal telah dijalankan oleh penyelidik untuk memahami konteks makro kawasan parlimen serta mengenal pasti isu-isu sedia ada. Kajian ini menggunakan sumber sekunder seperti statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian terdahulu, pencarian dalam talian, dan laporan akhbar. Pendekatan ini bertujuan untuk menyediakan gambaran umum yang lebih jelas mengenai keadaan semasa dan isu yang perlu diberi perhatian dalam kawasan tersebut.

- **Mesyuarat Awal, Pra Lawatan dan Pengenalan Profil Kawasan Parlimen**

Mesyuarat awal bersama YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) telah diadakan pada 11 Disember 2024 di Parlimen Malaysia untuk membincangkan gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Dalam mesyuarat tersebut, YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) telah memberi persetujuan untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam melaksanakan kajian pemetaan isu di Parlimen Lumut. Wakil daripada APPGM-SDG dihadiri oleh Dr Thanaraj Murudi dan Nuha Mysara.

Pada 14 Januari 2025, Dr Thanaraj Murudi selaku Ketua Penyelidik Lumut telah mengadakan kunjungan hormat terhadap Pegawai Daerah dan Tanah Manjung Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris untuk memberi pengenalan APPGM-SDG dan tujuan pemetaan SDG di Parlimen Lumut di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. Tuan Pegawai Daerah telah memberi sokongan penuh dan bersetuju untuk mengadakan Sesi Dialog Inter-Agensi pada 6 Mac 2025 untuk memberi maklum balas dan kesahihan maklumat.

Pada 6 Februari 2025, ketua penyelidik bersama YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) dan pegawai khas Lumut Encik Azham Shah telah mengadakan perbincangan mengenai profil kawasan Parlimen Lumut dan persiapan tentatif lawatan tapak secara atas talian Zoom (*Rujuk Lampiran 1*).

- **Penglibatan Awam Melalui Sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (FGD)**

Penglibatan awam melalui sesi perbincangan bersama pihak berkepentingan, atau *Focus Group Discussion* (FGD), merupakan elemen yang amat penting dalam proses pemetaan isu. Tujuan utama penglibatan awam dalam FGD adalah untuk:

- Mengenal pasti isu dan masalah utama yang dihadapi oleh Parlimen Lumut.
- Berkongsi pandangan serta cadangan penyelesaian terhadap masalah yang berlaku di kawasan tersebut.
- Mengambil kira aspirasi daripada kumpulan sasaran berkaitan hala tuju masa hadapan Parlimen Lumut.
- Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Lumut adalah seperti berikut:

- | | | |
|-----------------------|---|-----------------------------------|
| 1. Dr Thanaraj Murudi | : | Ketua Penyelidik, Ketua Zon Utara |
| 2. Mary Malar Xavier | : | Pembantu Penyelidik |
| 3. Faizzul Amri | : | Pembantu Penyelidik |
| 4. Hasnatulsyakhira | : | Pembantu Penyelidik |

Sebanyak lapan sesi *Focus Group Discussion* (FGD) telah dilaksanakan bersama komuniti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Lumut. Selain itu, sesi dialog inter-agensi turut diadakan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. Tentatif ringkas bagi lawatan tapak serta sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan.

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Lumut

TARIKH	PERKARA
14 Februari 2025 , Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> • FGD 1: Komuniti Kampung Kayan • FGD 2: Komuniti Nelayan Sungai Limau Lekir & Persatuan Aktivis Sahabat Alam • FGD 3: Komuniti Belia Pulau Pangkor
15 Februari 2025 , Sabtu	<ul style="list-style-type: none"> • FGD 4: Komuniti Nelayan Sungai Permatang • FGD 5: Komuniti Persatuan Veteran TDLM Perak • FGD 6: Komuniti Permatang
16 Februari 2025 , Ahad	<ul style="list-style-type: none"> • FGD 7: Komuniti Kaum Ibu Taman Sri Batik • FGD 8: Komuniti Peniaga Pekan Lumut Dan Peniaga Esplanade
21 Februari 2025 , Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> • Pengutamaan Isu
4 Mac 2025 , Khamis	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog bersama agensi kerajaan (<i>Inter-Agency Dialogue</i>)
15 Mei 2025 , Khamis	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan Kapasiti bersama Agensi Kerajaan Daerah Manjung (<i>Capacity Building</i>)

- **Pengutamaan Isu**

Pengutamaan isu di kawasan Parlimen Lumut (P074) telah melibatkan perbincangan mendalam bersama Ahli Parlimen YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) pada 21 Februari 2025. Dalam pertemuan tersebut, beberapa isu kritikal yang memerlukan perhatian khusus telah dibincangkan, dengan fokus utama diberikan kepada keperluan pembangunan mampan dan pencapaian matlamat pembangunan lestari di kawasan tersebut.

- **Mesyuarat Inter-Agensi Dialog**

Mesyuarat Inter-Agensi P074 Lumut telah diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah Manjung pada 6 Mac 2025 jam 10.00 pagi di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Tuan Shamsul Ridzuan bin Idris. Sebanyak 20 pegawai agensi kerajaan telah hadir untuk memberi input kepada pemetaan Sasaran Pembangunan Mampan (SDG) di kawasan Parlimen Lumut. Antara agensi yang terlibat adalah dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Majlis Perbandaran Manjung, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Perikanan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Pejabat Daerah serta Penghulu Mukim.



Rajah 2. Mesyuarat Inter-Agensi P074 Lumut

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Lumut, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Sepanjang proses pemetaan isu, terdapat satu kekangan telah dikenalpasti oleh ketua penyelidik. Kekangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan sesi *Focus Group Discussion* (FGD). Pada awalnya, kajian ini merancang untuk mengadakan dalam tiga kumpulan sesi FGD berasingan untuk mendapatkan pandangan dari dua kumpulan berbeza. Namun, peserta dalam satu sesi telah meminta supaya kedua-dua kumpulan tersebut digabungkan dalam satu perbincangan. Permintaan ini menyebabkan ketua penyelidik terpaksa menyesuaikan format dan struktur sesi FGD agar dapat menampung perbincangan yang lebih besar dan lebih dinamik.

Untuk mengatasi kekangan ini, ketua penyelidik memutuskan untuk memecahkan sesi menjadi beberapa segmen perbincangan yang lebih kecil bagi memastikan setiap peserta dapat memberikan input yang lebih fokus dan teratur. Selain itu, lebih banyak fasilitator dilibatkan dalam sesi tersebut untuk memastikan proses perbincangan berjalan dengan lancar dan setiap suara didengari. Walaupun menghadapi cabaran dalam penyusunan

semula sesi ini, pendekatan alternatif yang diambil dapat memastikan objektif kajian tetap tercapai tanpa mengorbankan kualiti perbincangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

- **Tempoh Masa yang Terhad untuk Sesi FGD**

Salah satu limitasi utama dalam kajian ini ialah tempoh masa yang terhad untuk sesi *Focus Group Discussion* (FGD), yang hanya berlangsung selama dua jam. Tempoh masa yang singkat ini tidak mencukupi untuk membincangkan isu-isu secara lebih mendalam atau mendapatkan penjelasan yang lebih terperinci daripada peserta. Akibatnya, beberapa aspek penting yang memerlukan perbincangan lebih lanjut dan pengumpulan maklumat yang lebih mendalam terpaksa diketepikan. Walaupun alternatif lain seperti temubual individu atau kajian lebih lanjut dapat dicadangkan, namun kekangan masa menjadikan pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan dalam ruang waktu yang sama, mengakibatkan hasil kajian terbatas kepada maklumat yang diperoleh dalam tempoh yang singkat.

- **Kesukaran Menyertakan Semua Kumpulan Sasaran**

Limitasi lain yang dihadapi adalah kesukaran untuk menemui dan melibatkan semua kumpulan sasaran yang relevan dalam kajian. Walaupun usaha telah dilakukan untuk mengenal pasti dan menjemput wakil daripada pelbagai kumpulan, terdapat beberapa kelompok yang tidak dapat dijumpai atau didekati kerana faktor jarak, kekangan masa, atau kesukaran dalam komunikasi. Hal ini menyebabkan kajian terhad kepada sumber maklumat daripada kumpulan yang berjaya dijumpai sahaja, dengan mengabaikan perspektif penting daripada kelompok lain yang mungkin dapat memberikan pandangan berbeza atau lebih menyeluruh.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lapan isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1	Tahap literasi digital yang rendah dalam kalangan penduduk luar bandar	Masih terdapat golongan yang belum celik dengan teknologi maklumat (IT) di kawasan kampung. Golongan tidak celik IT perlu diajar penggunaan. Sebagai contoh di mana sekarang segala penyata cukai taksiran dan cukai tanah tidak dimajukan melalui pos dan bayaran boleh dibuat melalui online.	Sosial	Belia B40	DUN Pangkor DUN Pasir Panjang	<p>SDG 4: Pendidikan Berkualiti Sasaran 4.4: Meningkatkan kemahiran teknikal dan vokasional, termasuk teknologi maklumat, untuk pekerjaan yang baik dan keusahawanan.</p> <p>SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur Sasaran 9.c: Meningkatkan akses teknologi maklumat dan komunikasi, serta menyediakan internet yang berpatutan di kawasan luar bandar.</p> <p>SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						Sasaran 10.2: Memperkasa semua individu untuk penyertaan sosial, ekonomi, dan politik tanpa halangan teknologi.
2	Murid sekolah menengah bermotosikal tanpa berlesen	PDRM telah mengambil tindakan dengan memberi kesedaran di peringkat sekolah tetapi masih kurang berkesan.	Sosial	Pelajar sekolah	Dun Pangkor Dun Pasir Panjang	<p>SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Sasaran 3.6: Mengurangkan separuh jumlah kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya menjelang 2030.</p> <p>SDG 4: Pendidikan Berkualiti Sasaran 4.7: Memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran untuk pembangunan mampan, termasuk pendidikan keselamatan jalan raya.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.2: Menyediakan sistem pengangkutan selamat dan</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mampan, terutama untuk golongan rentan seperti pelajar.
3.	Peluang pekerjaan kepada golongan belia	Ramai golongan belia berhijrah keluar untuk pekerjaan.	Sosial / Ekonomi	B40 Belia Penduduk setempat	Dun Pangkor Dun Pasir Panjang	<p>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi.</p> <p>Sasaran 8.5: Mencapai pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, dengan gaji yang sama untuk pekerjaan yang sama.</p> <p>Sasaran 8.6: Mengurangkan kadar belia yang tidak bekerja, tidak belajar, dan tidak menjalani latihan menjelang 2020 (dan seterusnya).</p>
4.	Kekangan dana untuk Persatuan Veteran Angkatan Tentera Malaysia	Persatuan ini tidak mempunyai dana tetap bagi menguruskan hal ehwal veteran yang bermasalah dari segi kebajikan dan kesihatan.	Sosial / Ekonomi	-Veteran PVATM	PVATM Pasir Panjang PVATM Pangkor	<p>SDG 1: Tiada Kemiskinan</p> <p>Sasaran 1.1: Menghapuskan kemiskinan tegar menjelang 2030 untuk semua orang di seluruh dunia, yang kini ditakrifkan sebagai hidup dengan kurang daripada USD 1.90 sehari.</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						<p>Sasaran 1.2: Mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan dalam semua bentuknya untuk semua lelaki, wanita dan kanak-kanak, berdasarkan definisi nasional, menjelang 2030.</p> <p>Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem perlindungan sosial yang sesuai untuk semua, termasuk dasar perlindungan lantai, dan mencapai perlindungan yang meluas kepada golongan miskin dan mudah terjejas menjelang 2030.</p>
5.	Banjir Kilat	Peningkatan kapasiti air di longkang lama disebabkan penambahan taman perumahan dan kawasan perniagaan baru yang menyebabkan banjir kilat.	Ekonomi / Alam Sekitar	-Penduduk tempatan	Kampung Padang Tembak, Telok Muroh	<p>SDG 1: Tiada Kemiskinan</p> <p>Sasaran 1.5: Membina daya tahan terhadap bencana alam, termasuk banjir, untuk melindungi komuniti miskin dan terdedah daripada kesan ekonomi, sosial, dan alam sekitar yang buruk.</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						<p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Lestari</p> <p>Sasaran 11.5: Mengurangkan jumlah kematian dan kerugian ekonomi akibat bencana, termasuk banjir, dengan fokus kepada perlindungan infrastruktur dan perkhidmatan asas.</p> <p>Sasaran 11.6: Meningkatkan perancangan dan pengurusan bandar untuk daya tahan terhadap bencana alam.</p> <p>SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim</p> <p>Sasaran 13.1: Mengukuhkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian terhadap risiko berkaitan perubahan iklim, termasuk kejadian banjir.</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						<p>SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berkaitan air seperti sungai dan tadahan air bagi mengurangkan risiko banjir.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.6: Mengurangkan kesan persekitaran negatif di bandar termasuk kualiti udara yang tercemar dan pengurusan sisa pepejal.</p> <p>SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab Sasaran 12.4: Menguruskan bahan kimia dan sisa buangan sepanjang kitaran hayatnya dengan cara yang mesra alam untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						<p>SDG 14: Kehidupan di Bawah Air Sasaran 14.1: Mengurangkan pencemaran laut, termasuk sisa plastik dan bahan pencemar dari aktiviti daratan.</p> <p>SDG 15: Kehidupan di Darat Sasaran 15.1: Melindungi ekosistem daratan daripada pencemaran yang memusnahkan kepelbagaian biologi.</p> <p>SDG 13: Tindakan Terhadap Perubahan Iklim Sasaran 13.2: Menggalakkan tindakan bersepadu untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan pencemaran berkaitan iklim.</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
6.	Projek Pasir dan Kuari mengancam ekosistem	<p>Terdapat kebimbangan mengenai projek pasir laut dan kuari di Mukim Segari yang didakwa mengancam ekosistem.</p> <p>Bagi projek pengambilan pasir laut, ia telah merosakkan kawasan ekosistem penyu dan ikan semula jadi dan kesejahteraan alam sekitar. Beberapa NGO telah menggesa agar kawasan sensitif alam sekitar ini dilindungi dan dipulihara.</p> <p>Bagi projek pengambilan pasir laut, ia telah merosakkan kawasan ekosistem penyu dan ikan semula jadi dan kesejahteraan alam sekitar. Beberapa NGO telah menggesa agar kawasan</p>	Alam sekitar	Nelayan	Telok Senangin	<p>SDG 3: Kehidupan Sihat dan Kesejahteraan Sasaran 3.9: Mengurangkan kematian dan penyakit yang berpunca daripada pencemaran udara, air, dan tanah serta bahan kimia berbahaya.</p> <p>SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.3: Meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan sisa berbahaya, dan meningkatkan kitar semula serta penggunaan semula air.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.6: Mengurangkan kesan persekitaran negatif di bandar termasuk kualiti udara yang tercemar dan pengurusan sisa pepejal.</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		sensitif alam sekitar ini dilindungi dan dipelihara. Komuniti Nelayan di Telok Senangin dan Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) telah membuat bantahan kerana ia telah menjejaskan pendapatan nelayan.				SDG 12: Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab Sasaran 12.4: Menguruskan bahan kimia dan sisa buangan sepanjang kitaran hayatnya dengan cara yang mesra alam untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar dan kesihatan manusia.
7.	Pengurusan sampah tidak sistematik	Aktiviti pelupusan sampah yang tidak terkawal tanpa pengurusan yang sistematik menyebabkan kerosakan alam sekitar yang serius di kawasan persisiran pantai Segari. Ini termasuk pencemaran dan kemusnahan habitat semula jadi. Hal ini menyebabkan kerosakan alam sekitar yang serius di kawasan persisiran pantai Segari. Ini termasuk	Sosial / Alam Sekitar	Penduduk setempat	Segari	SDG 15: Kehidupan di Darat Sasaran 15.1: Melindungi ekosistem daratan daripada pencemaran yang memusnahkan kepelbagaian biologi.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		pencemaran dan kemusnahan habitat semula jadi.				
8	Kerosakan kawasan penanaman semula pokok paya bakau	Projek tanpa Kebenaran Merancang (KM) Akuakultur Kolam Udang di Kampung Sungai Limau Lekir. Persatuan Aktivis Sahabat Alam (KUASA) bersama komuniti setempat telah membuat bantahan kerana pengusaha kolam udang telah merosakkan ekosistem.	Alam sekitar / ekonomi	-Nelayan Darat -Nelayan Tepi Pantai	-Sungai Limau Lekir	SDG 15: Kehidupan di Darat Sasaran 15.1: Melindungi ekosistem daratan daripada pencemaran yang memusnahkan kepelbagaian biologi.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kampung Kayan Tarikh: 14 Februari 2025 Bilangan peserta: 10 peserta Kaedah FGD: Perbincangan dalam 2 kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Daerah 2. PDRM 3. Jabatan Alam Sekitar (JAS) 4. Jabatan Perikanan Malaysia 5. Majlis Perbandaran Manjung
1.	Kelewatan dalam pembayaran insentif dan dividen peserta FELCRA	<p>Menurut penduduk setempat yang merupakan peserta FELCRA, mereka telah mengalami kelewatan dalam pembayaran insentif yang sepatutnya diterima sebanyak tiga hingga empat kali setahun, serta pembayaran dividen pada setiap akhir tahun yang telah tertangguh selama tiga tahun.</p> <p>Keadaan ini sukar untuk dikenalpasti kerana pihak peserta sendiri telah menghubungi pihak FELCRA bagi mendapatkan maklumat mengenai pusat setempat di kawasan ini, namun tidak memperoleh sebarang jawapan yang memuaskan.</p>	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Sebaliknya, pihak tersebut hanya memberi alasan dengan menuding jari kepada pihak atasan tanpa memberikan penjelasan yang jelas. Peserta FELCRA di kawasan ini berpendapat bahawa isu ini tidak seharusnya berlaku kerana pengeluaran sawit diteruskan secara konsisten setiap bulan, dan seharusnya pembayaran insentif dan dividen tidak sepatutnya menjadi masalah.	
2.	Gejala penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia semakin membimbangkan	<p>Kebanyakan golongan belia di Kampung Kayan terlibat dalam penyalahgunaan dadah, yang menjadi isu sosial yang signifikan di kawasan tersebut.</p> <p>Pihak polis telah melaksanakan operasi membanteras serta menangkap individu-individu yang terlibat dalam kegiatan ini. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai kekangan yang menghalang usaha murni tersebut, menyebabkan gejala ini terus berlanjut.</p> <p>Sumber utama dadah yang dikesan adalah berasal daripada pihak luar.</p>	<p>Maklum balas bertulis oleh PDRM</p> <p>Menurut daripada laporan pemetaan APPGM-SDG yang telah dibentangkan oleh Penyelaras APPGM-SDG Zon Utara Dr Thanaraj seperti di para 2, muka surat 2, hampir 70% belia di Kampung Kayan Sitiawan terlibat dengan gejala penyalahgunaan dadah.</p> <p>Hasil daripada risikan dan soal siasat daripada pihak PDRM Ibu Pejabat Polis Daerah Manjung mendapati tiada kawasan titik panas dadah yang kekal di kawasan ini dan hanya ada sebilangan kecil individu yang lepak sementara pada waktu petang dan bukannya kawasan titik panas penjualan dadah.</p> <p>Kawasan Kampung Kayan ada terkesannya aktiviti-aktiviti penyalahgunaan dadah, akan tetapi masih</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>dalam keadaan yang masih terkawal dan bukannya dalam kalangan yang membimbangkan.</p> <p>Pihak PDRM melalui Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Manjung akan sentiasa membuat risikan dan pemantauan secara berkala serta serbuan di kawasan sekitar Kampung Kayan daripada masa ke semasa.</p> <p>Untuk makluman juga, disertakan juga statistik tangkapan dan serbuan yang telah dilakukan oleh pihak PDRM dari tempoh tahun 2022 hingga 2025 seperti berikut:</p>
3.	Lambakan warga asing menjejaskan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan	<p>Kedatangan pendatang asing, baik yang sah mahupun yang tidak sah mencetuskan kebimbangan dalam kalangan warga penduduk tempatan yang bekerja di kilang YTY serta sektor-sektor lain telah menjejaskan peluang pekerjaan untuk penduduk tempatan, sekaligus menimbulkan rasa ketidakselamatan dalam kalangan komuniti setempat.</p> <p>Peningkatan bilangan warga asing di kawasan ini telah menimbulkan ancaman terhadap</p>	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		keselamatan sosial, termasuk isu pemerdagangan manusia, serta memberi impak negatif terhadap peluang pekerjaan bagi masyarakat tempatan.	
4.	Peluang pekerjaan adalah terhad disebabkan oleh ketiadaan sistem pengangkutan yang berkesan	<p>Ketiadaan kemudahan pengangkutan yang mencukupi menyukarkan penduduk setempat untuk keluar mencari pekerjaan. Kekangan kewangan yang menghalang mereka daripada memiliki kenderaan persendirian ditambah dengan terhadnya perkhidmatan pengangkutan awam, seperti bas yang mempunyai waktu operasi yang terbatas, menyukarkan mereka untuk bekerja di daerah yang menawarkan peluang pekerjaan yang lebih baik, seperti di Sitiawan dan Manjung.</p> <p>Keadaan ini menyebabkan ramai penduduk kampung terpaksa memilih untuk bekerja di kawasan kampung sahaja, walaupun terdapat peluang pekerjaan yang lebih tinggi di luar kawasan tersebut.</p>	<p>Pegawai Majlis Perbandaran Manjung</p> <p>Isu berkaitan pengangkutan di Kampung Kayan sebagaimana dinyatakan oleh Pegawai Majlis Perbandaran Manjung menunjukkan bahawa permintaan terhadap perkhidmatan pengangkutan awam di daerah Manjung adalah rendah, khususnya di kawasan pekan Manjung. Menurut beliau, keperluan terhadap pengangkutan awam lebih ketara dalam kalangan pelajar yang memerlukan kemudahan tersebut untuk ke sekolah, manakala golongan dewasa tidak semuanya bergantung kepada pengangkutan awam. Kenyataan ini turut mencerminkan ketidakseimbangan dalam penyediaan dan penggunaan pengangkutan awam yang mungkin berkait rapat dengan corak mobiliti penduduk serta tahap kebergantungan terhadap kenderaan persendirian. Tambahan pula, pegawai tersebut turut menyatakan ketidaktentuan sama ada isu pengangkutan awam ini memberi kesan secara langsung terhadap peluang pekerjaan di kawasan</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			tersebut, sekali gus menimbulkan persoalan mengenai hubungan antara akses mobiliti dan ekonomi setempat.
5.	Gangguan capaian internet yang stabil dan kekurangan kemudahan infrastruktur	Ketiadaan sambungan internet yang stabil serta ketiadaan lampu jalan di beberapa kawasan yang digunakan oleh penduduk telah memberi kesan negatif terhadap kehidupan seharian mereka. Kualiti talian telekomunikasi dan internet yang lemah turut mengganggu aktiviti harian penduduk di kawasan ini. Talian perhubungan yang disediakan oleh syarikat telekomunikasi juga menunjukkan kelemahan. Menurut penduduk, mereka terpaksa bergantung sepenuhnya pada pencawang yang terletak di Bagan Datuk. Terdapat beberapa insiden di mana talian mengalami gangguan untuk jangka masa tertentu, yang mana kejadian tersebut telah berulang beberapa kali.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
6.	Penerokaan hutan paya bakau yang tidak terkawal mengganggu kestabilan ekosistem	Hutan paya bakau berperanan penting dalam menahan air laut daripada melimpah ke kawasan daratan. Walaupun struktur penahan telah dibina untuk tujuan pertanian, hutan paya bakau berfungsi sebagai penguat dalam menahan air laut. Kehilangan kawasan paya bakau menyebabkan limpahan air laut ke daratan,	Jabatan Perikanan Malaysia Mukim Lekir telah menjadi Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Ia menyumbang kepada keterjaminan makanan. Pengeluaran udang dari penternak berhampiran Kg. Kayan adalah sebahagian dari keterjaminan makanan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>seterusnya merosakkan tanaman-tanaman penduduk seperti kelapa sawit dan tanaman lain. Oleh itu, hutan paya bakau seharusnya dipelihara untuk memastikan kelestariannya, namun penerokaan habitat tersebut masih berlaku, terutamanya oleh pihak yang bertanggungjawab yang mengubah kawasan ini menjadi kolam udang.</p> <p>Hutan paya bakau juga merupakan sumber mata pencarian utama bagi penduduk Kampung Kayan, terutamanya nelayan persisiran pantai dan masyarakat setempat yang bergantung kepada ekosistem ini.</p>	
7.	Ketidakeimbangan komposisi penduduk tempatan dan enrolmen pelajar sekolah aliran Tamil	Terdapat kekurangan pembangunan petempatan baharu yang bertujuan untuk menambah kapasiti populasi pelajar di kawasan ini. Di Kampung Kayan, ramai penduduk memilih untuk berhijrah ke lokasi lain selepas membina keluarga, disebabkan oleh ketiadaan petempatan baharu yang dirancang atau dibangunkan di kawasan tersebut.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Sg Limau Lekir & Persatuan Aktivis Sahabat Alam Tarikh: 14 Februari 2025 Bilangan peserta: 9 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Perikanan Malaysia
1.	Penerokaan hutan paya bakau mengganggu ekosistem semula jadi	<p>Aktiviti yang dijalankan berpotensi mengganggu keseimbangan ekosistem semula jadi, sekali gus menjejaskan kepelbagaian biodiversiti di kawasan terlibat.</p> <p>Tindakan tersebut turut menimbulkan ancaman terhadap keselamatan penempatan penduduk setempat, khususnya dari segi risiko bencana alam dan kemerosotan kualiti hidup.</p> <p>Selain itu, kesan negatif yang terhasil juga boleh menyebabkan kemerosotan pendapatan dalam kalangan nelayan persisiran pantai akibat perubahan habitat marin dan pengurangan hasil tangkapan.</p> <p>Kemusnahan habitat semula jadi hutan paya bakau akibat aktiviti tertentu telah memberikan</p>	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>kesan yang signifikan terhadap ekosistem kawasan tersebut. Pokok paya bakau, yang memerlukan tempoh masa yang panjang untuk mencapai kematangan, mengalami kemerosotan yang serius, termasuk kepupusan spesies tertentu seperti pokok perepat, yang dikatakan hanya terdapat di kawasan Lumut. Kerosakan ini bukan sahaja mengganggu keseimbangan ekosistem, malah turut mengakibatkan hakisan tanah yang boleh mengancam keselamatan penempatan penduduk setempat. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dan trauma dalam kalangan masyarakat, khususnya apabila mengingatkan mereka kepada tragedi tsunami yang berlaku pada tahun 2004.</p> <p>Selain itu, isu ini turut memberi kesan negatif terhadap sumber pendapatan nelayan persisiran pantai yang bergantung kepada hasil laut seperti siput dan hidupan marin lain. Keterbatasan peralatan untuk meneroka kawasan laut dalam serta kekangan zon tangkapan yang ditetapkan berdasarkan lesen yang didaftarkan menyukarkan lagi keadaan mereka. Situasi ini</p>	

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>secara langsung menjejaskan kelangsungan ekonomi komuniti nelayan, seperti yang dialami oleh Nelayan Sungai Limau Lekir, yang semakin terkesan akibat perubahan dalam ekosistem dan sumber perikanan di kawasan mereka.</p>	
2.	<p>Operasi penternakan udang menyumbang kepada pencemaran alam sekitar</p>	<p>Pencemaran kimia yang berpunca daripada aktiviti akuakultur, khususnya operasi kolam udang, menimbulkan ancaman serius terhadap kesihatan manusia dan kelestarian ekosistem marin.</p> <p>Sisa kimia berbahaya yang dilepaskan ke laut semasa proses pembersihan kolam dapat mencemari perairan dan mengancam kelangsungan hidup hidupan laut. Pencemaran ini bukan sahaja menjejaskan biodiversiti marin, tetapi juga berpotensi menyebabkan bioakumulasi bahan toksik dalam organisma akuatik. Akibatnya, hasil laut yang ditangkap di kawasan tercemar mungkin mengandungi bahan kimia berbahaya yang boleh memberi kesan negatif terhadap kesihatan penduduk setempat.</p>	<p>Jabatan Perikanan Malaysia</p> <p>Bahan kimia digunakan untuk nyah kuman di dalam kolam udang adalah klorin pada kepekatan yang rendah. Ia berlaku selepas pengutipan hasil. Pelepasan klorin ke sungai dilakukan semasa air pasang supaya tidak memberi kesan kepada ekosistem. Jabatan Perikanan Malaysia tidak pernah menerima laporan kematian ikan besar-besaran di Sg. Limau dan perairan laut. Operasi kolam udang banyak terdapat di sepanjang Sungai Segari dan Sungai Raja Hitam. Tidak berlaku kematian ikan secara besar-besaran di sungai-sungai ini. Terdapat banyak rumah rakit bagi pemancing ikan di Kg. Telaga Nenas disebabkan banyak ikan dan bersaiz besar.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Kekeliruan prosedur dan pertindihan bidang kuasa	<p>Nelayan darat tidak mempunyai pemahaman yang jelas mengenai prosedur kelulusan projek pembinaan kolam udang di habitat hutan paya bakau. Rentetan itu tanah hutan paya bakau yang pada asalnya dimiliki oleh Yayasan Perak telah disewakan kepada individu yang tidak bertanggungjawab. Akibatnya, berlaku penerokaan terhadap kawasan hutan paya bakau yang dilindungi bagi tujuan pembangunan kolam ternakan udang.</p> <p>Selain itu, wujud pertindihan birokrasi dan bidang kuasa dalam pengurusan isu ini, yang mengakibatkan ketiadaan pihak berautoriti yang secara jelas mengambil tanggungjawab untuk menyelesaikan masalah tersebut.</p>	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Belia DUN Pangkor			Agensi yang memberikan maklum balas:
Tarikh: 14 Februari 2025			1. Penghulu Mukim Pangkor
Bilangan peserta: 5 orang			2. Majlis Perbandaran Manjung
Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			
1.	Peluang pekerjaan yang terhad disebabkan oleh keterbatasan dalam mobiliti	<p>Di Pulau Pangkor, majoriti golongan belia tidak memiliki pekerjaan tetap dan bergantung kepada perniagaan sendiri atau bekerja sebagai "beach boy." Peluang perniagaan dalam komuniti setempat hanya meningkat semasa kehadiran pelancong, yang kebiasaannya tertumpu pada hujung minggu dan hujung bulan.</p> <p>Selain itu, isu pengangkutan turut menjadi cabaran utama bagi golongan belia untuk berulang-alik ke tanah besar.</p>	<p>Penghulu Mukim Pangkor</p> <p>Di peringkat sekolah, pelbagai aktiviti telah dianjurkan dengan penyertaan universiti, termasuk projek komuniti. Walau bagaimanapun, beberapa universiti yang dijangka hadir, seperti dalam projek komuniti kelulut terbaru di Kampung Belia, tidak memberikan kehadiran. Hal ini menunjukkan wujudnya jurang antara perancangan program dan penglibatan sebenar pihak universiti. Tambahan pula, apabila isu tempatan Pulau Pangkor dibangkitkan, pengumpulan maklumat sukar dilakukan kerana pelbagai masalah yang wujud di kawasan tersebut, yang menuntut perhatian dan penyelidikan lebih lanjut.</p>
2.	Kekurangan kemudahan rekreasi untuk golongan belia	<p>Di Pulau Pangkor, belia menghadapi kekurangan pusat rekreasi yang dapat digunakan untuk mengisi masa lapang mereka. Ketiadaan kemudahan tersebut menyumbang kepada kemunculan budaya</p>	<p>Pegawai Majlis Perbandaran Manjung</p> <p>Dalam konteks pembangunan kemudahan rekreasi di Pulau Pangkor, pihak berkuasa tempatan melalui Rancangan Kawasan Khas (RKK) yang terbaharu telah merangka beberapa</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>lepak serta masalah sosial lain, seperti penyalahgunaan dadah. Sebelum ini, terdapat kemudahan futsal dan padang bola, namun, penduduk kampung mengadu mengenai gangguan bunyi bising yang berlaku ketika belia menjalankan aktiviti sukan di kawasan tersebut. Selain itu, bagi tujuan riadah dan sukan, penduduk terpaksa ke tanah besar, di mana terdapat lebih banyak pilihan kemudahan serta waktu yang lebih fleksibel.</p>	<p>inisiatif khusus bagi memperkukuh penyediaan kawasan rekreasi, terutamanya untuk golongan belia. Menurut Pegawai Majlis Perbandaran Manjung (Minit 26.42), antara kawasan yang dikenal pasti ialah Pangkor Promenade yang terletak berhampiran Teluk Nipah. Kawasan ini telah dikenal pasti sebagai salah satu tapak strategik yang dikhususkan untuk aktiviti rekreasi belia, sejajar dengan matlamat RKK untuk menjadikan Pulau Pangkor sebagai destinasi yang inklusif dan mesra generasi muda. Perancangan ini mencerminkan komitmen pihak berkuasa dalam memperluas kemudahan awam yang mampu menyokong gaya hidup sihat dan keterlibatan sosial dalam kalangan penduduk setempat, khususnya golongan belia.</p>
3.	Kesukaran mengakses kemudahan kesihatan.	Pulau Pangkor masih kekurangan kemudahan hospital, dengan hanya terdapat klinik desa sebagai fasiliti kesihatan utama. Sekiranya berlaku kecemasan yang memerlukan rawatan lanjut, terdapat perkhidmatan bot ambulans, namun ia dikenakan bayaran, yang	<p>Penghulu Pangkor Akses perkhidmatan ambulans di kawasan berkenaan tidak memerlukan bayaran, namun penubuhan hospital di lokasi tersebut menghadapi cabaran utama berkaitan kekangan tenaga kerja. Kakitangan awam yang sedia ada di</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		seterusnya membebankan penduduk setempat.	Pulau Pangkor adalah terhad dan bersifat bergilir, justeru penubuhan hospital serta kemudahan kuarters akan menimbulkan pelbagai isu pengurusan dan logistik.
4.	Penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia.	Kebanyakan belia di Pulau Pangkor terlibat dalam penyalahgunaan dadah, suatu isu yang berkait rapat dengan kekurangan pusat rekreasi atau program yang dapat mengisi masa lapang mereka.	<p>Penghulu Mukim Pangkor</p> <p>Berdasarkan makluman terkini, isu penyalahgunaan dadah dapat dikawal melalui pelaksanaan program-program intervensi yang sedia ada. Menurut laporan daripada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), bilangan Orang Kena Tuduh (OKT) adalah seramai tiga individu sahaja, kesemuanya merupakan penagih berulang.</p>
5.	Perkhidmatan feri kepada penduduk Pulau Pangkor kurang memuaskan	Perkhidmatan feri kepada penduduk setempat menunjukkan ketidaksesuaian harga tambang yang dikenakan, yang dianggap tidak berpatutan dan tidak mengambil kira keperluan ekonomi serta sosial komuniti tempatan. Di samping itu, waktu operasi perkhidmatan feri yang semakin terhad, hanya sehingga jam 6 petang, memberi impak negatif terhadap aksesibiliti	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>penduduk untuk menggunakan kemudahan ini pada waktu yang lebih fleksibel.</p> <p>Sebagai penduduk asal Pulau Pangkor, mereka tidak menikmati sebarang kelebihan; malah, mereka lebih terbeban kerana sekiranya bilangan penumpang terlalu ramai sehingga tiada tiket yang tersedia, mereka terpaksa menunggu feri berikutnya. Tiada tiket khas yang diperuntukkan untuk penduduk Pulau Pangkor bagi tujuan perjalanan harian mereka. Waktu operasi feri yang terhad turut memberi kesulitan kepada penduduk tempatan yang mempunyai urusan di tanah besar (Lumut).</p>	
6.	Kuasa membeli bagi memiliki rumah di Pulau Pangkor adalah sukar bagi penduduk yang	Harga flat yang mampu milik hanya terhad kepada golongan nelayan, manakala penempatan lain terlalu mahal untuk penduduk setempat yang bukan nelayan. Pemilikan rumah menjadi semakin sukar berikutan harga yang tinggi. Harga yang berpatutan hanya dapat diakses oleh	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	bukan nelayan yang sah	golongan nelayan. Di samping itu, ketersediaan penempatan juga semakin terhad, dengan tanah dan ruang kosong yang semakin berkurangan	
7.	Suara golongan belia tidak mendapat perhatian yang sewajarnya.	Pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh pihak belia tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Keputusan-keputusan utama dikawal sepenuhnya oleh golongan yang lebih tua. Apabila belia menyuarakan pandangan mereka, golongan yang lebih tua cenderung untuk menolaknya secara terus tanpa mengadakan sebarang perbincangan terlebih dahulu.	<p>Penghulu Pangkor</p> <p>Suara belia sering dianggap kurang didengari, walaupun terdapat Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), komuniti setempat, dan pelbagai NGO yang aktif menganjurkan program bersama belia. Pihak pengurusan menegaskan bahawa mereka sentiasa memberi perhatian terhadap pandangan belia dan mendengar saranan yang dikemukakan, namun isu yang dibangkitkan untuk dibangking tidak jelas.</p>

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Sungai Permatang Tarikh: 15 Februari 2025 Bilangan peserta: 5 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Daerah 2. LKIM
1.	Kelemahan penyaluran bantuan kepada nelayan	Bantuan yang diberikan, seperti pukot dan peralatan memancing lain, mengalami pengurangan dari segi kuantiti, kewangan, serta bahan api untuk bot-bot nelayan. Pihak kerajaan dan agensi-agensi berkaitan seharusnya memastikan penyaluran bantuan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan nelayan. Keadaan ini berlarutan dan seterusnya menimbulkan ancaman terhadap pendapatan golongan nelayan di kawasan tersebut.	Agensi LKIM Nelayan di Sungai Permatang berada di bawah Persatuan Nelayan Manjung Selatan. Pada tahun lepas, bantuan yang diberikan tidak khusus kepada nelayan di Sungai Permatang sahaja, sebaliknya merangkumi semua nelayan di bawah jajahan Manjung Selatan, dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM150,000. Bantuan ini termasuk kotak insulasi, enjin, jaket, dan pukot; di mana kotak diberikan kepada 20 penerima manakala enjin kepada 7 penerima. Selain itu, nelayan juga menerima elaun sara hidup bulanan dan insentif hasil tangkapan, yang diberikan berdasarkan jumlah ikan yang ditangkap setiap hari. Bantuan subsidi minyak turut disediakan kepada nelayan yang layak. Kesemua bantuan ini hanya diberikan kepada nelayan yang berdaftar dan berlesen, manakala nelayan yang tidak berdaftar atau tidak berlesen tidak menerima sebarang bantuan.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Agensi JKM</p> <p>Dalam proses permohonan bantuan, terdapat satu panduan rasmi yang digunakan iaitu garis kemiskinan (PGK) sebagai penentu utama kelayakan pemohon. Bagi isi rumah, PGK ditetapkan pada RM1,198.00, manakala bagi per kapita adalah RM322.00. Kelayakan pemohon ditentukan dengan membahagikan jumlah pendapatan isi rumah dengan bilangan ahli rumah tersebut. Hasil pengiraan ini menentukan sama ada pemohon layak menerima bantuan. Setakat ini, rekod menunjukkan hanya sebilangan pemohon veteran yang menerima bantuan, manakala sesetengah pemohon tidak layak kerana pendapatan isi rumah melebihi PGK yang ditetapkan. Faktor ini menjadi salah satu punca pemohon gagal layak.</p>
2.	Proses permohonan lesen yang membebankan dengan prosedur yang kompleks dan memerlukan usaha yang besar dari pihak pemohon.	Para nelayan menghadapi kesukaran dalam memperoleh lesen memancing dan lesen bot. Prosedur birokrasi yang wujud pada masa ini merumitkan proses permohonan lesen oleh para nelayan. Situasi ini seterusnya memberi impak negatif terhadap kelancaran aktiviti ekonomi mereka, kerana sekiranya didapati mereka tidak memiliki lesen yang sah, pihak berkuasa akan	<p>Jabatan Perikanan Malaysia</p> <p>Proses permohonan lesen bermula dengan membuat permohonan kepada Persatuan Nelayan Kawasan. Persatuan akan mengemaskini nelayan tulen. Persatuan akan menghantar permohonan kepada Jabatan Perikanan Malaysia untuk penilaian. Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) turut memberi penilaian bagi bantuan sara hidup. Ini</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.</p>	<p>melibatkan peruntukan selama ia menjadi nelayan. Kebanyakan nelayan ingin mendapatkan lesen kerana bantuan sara hidup. Secara amnya kouta lesen bagi zon A telah dibekukan. Tidak ada lesen dikeluarkan tetapi bergantung kepada pihak atasan. Ini bagi mengelakkan kepupusan dan pengurangan sumber perikanan disebabkan tangkapan yang tidak terkawal (overfishing). Masih terdapat kekosongan permohonan lesen bagi vesel zon C. Bagi vesel zon A seperti yang banyak terdapat Sungai Permatang tidak ada lesen baru dikeluarkan.</p>
3.	Pengurusan sampah yang tidak teratur di sekitar Kampung Permatang	<p>Pengurusan sampah yang tidak teratur merupakan isu yang ketara di kawasan ini, di mana tiada sistem pengendalian sampah yang efektif. Penduduk terpaksa membuang sampah ke dalam sungai atau membakarnya, yang menyebabkan pencemaran terhadap kualiti air dan udara. Keadaan ini berpotensi mengancam kualiti hidup penduduk setempat. Oleh itu, adalah penting bagi pihak kerajaan untuk mengambil langkah proaktif dalam mendidik masyarakat mengenai kepentingan menjaga kebersihan dan mengamalkan pengurusan sampah yang betul</p>	<p><i>Tiada maklum balas agensi</i></p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		bagi mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar dan kesihatan awam.	
4.	Cabaran aksesibiliti kepada bekalan air bersih	Penduduk di kawasan ini bergantung kepada bekalan air bersih yang disalurkan melalui paip utama yang terletak jauh dari petempatan mereka. Keadaan ini mengakibatkan tekanan air yang rendah untuk kegunaan harian mereka. Tambahan pula, kerap kali berlaku kerosakan pada paip yang disambungkan ke paip utama, menyebabkan penduduk terpaksa membaikinya sendiri. Sekiranya menunggu tindakan daripada pihak berwajib, ia akan mengambil masa yang lama dan mengganggu kelancaran aktiviti harian mereka.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
5.	Keadaan jalan raya yang berbahaya	Jalan raya di kawasan ini adalah sempit, menyebabkan kesukaran bagi kenderaan untuk berselisih. Keadaan ini turut menimbulkan risiko terhadap keselamatan penduduk yang berjalan di bahu jalan. Selain itu, jalan raya tersebut juga mengalami kerosakan dengan lubang-lubang yang jelas, dan berdasarkan keterangan penduduk setempat, jalan tersebut telah lama tidak dibaiki atau diturap.	Pegawai Majlis Perbandaran Manjung Kawasan berkenaan pada asalnya merupakan kampung dengan tanah berstatus lot-lot besar. Penduduk tempatan telah menggunakan laluan tersebut sejak dahulu, bermula sebagai jalan tanah, kemudian diperbaiki dengan batu dan tar, sehingga menjadi jalan seperti sekarang. Jalan tersebut dibina di atas tanah persendirian, dan pihak JKR menegaskan bahawa sebarang kerja naik taraf tidak dibenarkan kerana ia melibatkan tanah milik individu.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Walaupun terdapat cadangan pihak berkuasa untuk menaik taraf jalan, ia menghadapi kekangan kerana laluan tersebut berada di atas hak milik peribadi penduduk tempatan.
6.	Kesukaran mendapatkan kemudahan infrastruktur bagi nelayan	Bagi nelayan di kawasan ini, mereka membina pelantar persendirian untuk meletakkan bot mereka. Walau bagaimanapun, pelantar-pelantar tersebut memerlukan bekalan elektrik, namun para nelayan menghadapi kesukaran dalam permohonan untuk penyambungan bekalan elektrik, disebabkan keperluan untuk menyediakan dokumen-dokumen yang sah.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
7.	Pencemaran air akibat sisa buangan dari Hospital Manjung	Pencemaran air yang berpunca daripada sisa-sisa yang dibuang oleh Hospital Manjung Kejadian ini berisiko mengurangkan hasil tangkapan laut, sekaligus mengancam keselamatan makanan bagi komuniti setempat.	Jabatan Alam Sekitar Berdasarkan semakan rekod Jabatan, tiada aduan berkaitan perkara ini. Namun demikian, sekiranya perkara ini berasas, mohon perkara ini disalurkan ke Laman Utama - Portal Sistem e-Aduan Jabatan Alam Sekitar Malaysia untuk tindakan lanjut. Mohon lampirkan gambar yang menunjukkan lokasi punca sisa yang didapati mengalir ke sungai tersebut.
8.	Tiada sebarang bentuk bantuan atau sokongan yang disediakan bagi	Pelancongan memancing tidak menerima sokongan promosi dan galakan yang mencukupi daripada pihak kerajaan atau agensi-agensi yang berkaitan.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	aktiviti ekonomi nelayan.	Mereka menyediakan perkhidmatan membawa pelancong untuk aktiviti memancing, yang merupakan salah satu cabang pelancongan yang menarik. Namun, bentuk pelancongan ini kurang mendapat perhatian disebabkan oleh kekurangan promosi yang dijalankan oleh pihak kerajaan serta agensi-agensi berkaitan. Sebaliknya, promosi hanya dilakukan secara individu melalui platform media sosial seperti <i>Facebook</i> dan <i>WhatsApp</i> .	

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Persatuan Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Perak (PVATM & PVTLDM) Tarikh: 15 Februari 2025 Bilangan peserta: 13 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Daerah 2. JKM
1.	Kebimbangan terhadap keberkesanan penyediaan sokongan sosial	Setelah pemansuhan pencen, pihak kerajaan telah berjanji untuk memberikan bantuan sara hidup, namun sehingga kini, bantuan tersebut masih belum diterima. Selain itu, salah satu bentuk bantuan yang amat diperlukan adalah dalam aspek kesihatan, khususnya berkaitan rawatan penyakit dan keperluan asas seperti lampin pakai buang. Mereka juga mencadangkan penyediaan pinjaman perniagaan bagi memudahkan mereka menyara kehidupan. Walau bagaimanapun, ketiadaan dana sokongan atau skim khas yang dapat membantu mereka untuk berdikari setelah tamat perkhidmatan menimbulkan kebimbangan mengenai kesejahteraan mereka.	Tiada sebarang ulasan dari agensi kerajaan kerana melibatkan polisi kerajaan persekutuan.
2.	Bayaran pencen yang tidak relevan dengan keadaan	Bayaran pencen perlu disemak semula kerana ia dianggap tidak lagi relevan dengan keadaan ekonomi semasa. Individu yang menerima pencen pada tahun-tahun terdahulu seringkali kali	Pegawai Daerah Beberapa isu atau masalah wujud berdasarkan dasar Kerajaan Persekutuan, seperti hal berkaitan pencen, had umur persaraan, dan jumlah pencen yang

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	keperluan ekonomi semasa.	memperoleh jumlah yang sangat tidak setimpal dengan kos sara hidup. Oleh itu, kerajaan perlu mempertimbangkan semakan terhadap kadar bayaran pencen yang diterima, kerana jumlah tersebut tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan peribadi dan keluarga penerima.	diterima. Isu-isu ini tidak ditentukan di peringkat tempatan dan oleh itu, bukan sesuai untuk dibincangkan di platform ini kerana ia berada di bawah kuasa dan pengurusan dasar Kerajaan Persekutuan.
3.	Ketiadaan pusat jagaan khas untuk veteran terutama bagi veteran yang sakit dan terlantar.	Ketiadaan pusat jagaan khas untuk veteran telah memberi bebanan yang besar kepada mereka. Walaupun terdapat pusat jagaan swasta, veteran tersebut tidak mampu untuk membayar perkhidmatan ini disebabkan oleh pendapatan pencen yang rendah. Mereka juga tidak dapat bergantung sepenuhnya kepada anak-anak mereka kerana anak-anak tersebut memiliki komitmen masing-masing. Keadaan ini menjadi lebih kritikal bagi veteran yang terlantar atau tidak berupaya bergerak (bed-ridden), kerana tiada individu yang dapat menjaga kebajikan dan kesihatan mereka.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
4.	Pengurusan Veteran Kebangsaan (MVK) dianggap tidak berkesan	Peranan Majlis oleh warga veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kerana terdapat kekurangan respons atau tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Tiada keistimewaan khusus diberikan kepada veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berkenaan kuota haji atau peluang perniagaan. Mereka disamakan dengan penjawat awam yang lain, walaupun berada di bawah naungan institusi tertinggi, iaitu Yang di-Pertuan Agong.	Mereka merasakan bahawa tiada keistimewaan yang diberikan kepada mereka seperti yang telah diuar-uarkan sebelum ini, contohnya dalam hal pengagihan Kelas 1 dan Kelas 2 di wad hospital. Fenomena yang sama turut berlaku dalam aspek pembelian rumah dan tanah, di mana tiada skim khas disediakan untuk membantu mereka memiliki hartanah tersebut. Begitu juga dalam hal kuota haji, mereka tidak diberikan pakej khas dan masih terpaksa membayar jumlah yang sama seperti orang awam untuk mendapatkan tempat. Pada masa ini, mereka berasa bahawa Angkatan Tentera Malaysia (ATM) diperlakukan sama seperti penjawat awam yang lain, meskipun mereka terpaksa menghadapi risiko dan memikul peranan yang lebih berat dalam mempertahankan negara.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
6.	Ketidakpadanan pekerjaan dan kepakaran dalam kalangan bekas anggota ATM selepas bersara	Mereka merasakan bahawa kemahiran dan ilmu yang dimiliki tidak diiktiraf setelah bersara dan meninggalkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Sebagai contoh, individu yang memiliki kepakaran dalam bidang senjata sering kali diberikan tugas yang tidak setimpal, seperti pengawal keselamatan, walhal tahap pengetahuan dan kemahiran mereka jauh	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>melebihi pekerjaan tersebut. Begitu juga, individu yang sebelum ini berperanan sebagai jurutera dalam ATM mendapati bahawa mereka sukar untuk memperoleh pekerjaan yang setara dengan kelayakan dan pengalaman yang dimiliki setelah meninggalkan perkhidmatan tentera.</p>	
7.	<p>Jurang Pemahaman dan Persepsi Awam Mengenai Peranan dan Komitmen Angkatan Tentera Malaysia (ATM)</p>	<p>Kesedaran masyarakat mengenai peranan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) masih kurang jelas, di mana banyak individu belum sepenuhnya memahami tanggungjawab dan fungsi utama ATM dalam menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.</p> <p>Terdapat sebahagian daripada kalangan masyarakat yang berpendapat bahawa anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) tidak sepatutnya menerima gaji atau pencen yang tinggi, kerana bagi mereka, anggota ATM hanya menjalankan tugas yang tidak melibatkan kerja yang signifikan.</p>	<p><i>Tiada maklum balas agensi</i></p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Tiada premis khusus yang disediakan untuk operasi kelab atau persatuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM),	Mereka memohon agar pihak berwajib menyediakan premis yang sesuai bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti persatuan, termasuk mesyuarat serta aktiviti sosial yang lain.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Permatang Tarikh: 15 Februari 2025 Bilangan peserta: 8 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Daerah 2. JKM 3. LKIM 4. Jabatan Perikanan Malaysia 5. Jabatan Alam Sekitar
1.	Pencerobohan pukot tunda di kawasan tangkapan Zon A	<p>Nelayan yang menggunakan pukot tunda telah menceroboh kawasan tangkapan nelayan tempatan di Zon A. Bagi menghadapi masalah ini, nelayan di kawasan tersebut hanya mampu membina tukun sebagai langkah untuk mengurangkan gangguan yang disebabkan oleh pukot tunda. Tindakan pukot tunda tersebut turut menyebabkan sampah ditunda dan terkumpul di kawasan persisiran pantai, yang merupakan tempat utama bagi nelayan tempatan mencari mata pencarian.</p> <p>Pencerobohan oleh nelayan di kawasan ini telah menyebabkan penurunan hasil laut bagi nelayan yang beroperasi di zon A. Pihak penguatkuasaan tidak dapat menangani isu ini dengan efektif, menyebabkan para nelayan mengambil inisiatif</p>	Jabatan Perikanan Malaysia Bot tunda haram zon A yang datang dari Bagan Datuk menunda di kawasan zon A. Daerah Manjung tidak terdapat bot jenis ini. Kawasan menunda adalah cetek menjadi halangan bagi bot peronda memasuki untuk melaksanakan tugas. Jabatan Perikanan Malaysia tidak melabuhkan tukun di laut Permatang. Ini bagi mengelakkan kejadian kemalangan. Operasi pukot tunda berlaku di kedalaman tertentu bukan di bahagian dasar laut dimana terdapat sampah. Jika di dalam pukot penuh dengan sampah bersama dengan ikan yang ditangkap, maka ikan akan mati dan rosak. Apa-apa yang terdapat di laluan menunda akan terkumpul di dalam pukot termasuk pukot milik nelayan.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>untuk membina tukun sebagai langkah pencegahan terhadap penggunaan pukot tunda. Pembinaan tukun ini turut menyumbang kepada peningkatan habitat bagi ikan-ikan kecil di kawasan tersebut. Di samping itu, nelayan yang menggunakan pukot tunda turut mengangkut sampah-sarap, yang dibuang secara tidak bertanggungjawab di kawasan perikanan zon A. Hal ini berpotensi mengganggu ekosistem setempat dan memberi kesan negatif terhadap pendapatan nelayan di kawasan tersebut. Pukot tunda juga turut merosakkan peralatan yang digunakan oleh nelayan zon A, menyebabkan kerugian yang signifikan kepada mereka.</p>	
2.	Penggunaan Bubu naga secara haram	<p>Ketiadaan benih baru akan menyebabkan pengurangan sumber laut yang seterusnya mengancam pendapatan golongan nelayan. Penggunaan bubu naga adalah dilarang oleh undang-undang, namun masih terdapat nelayan yang tidak bertanggungjawab yang terus menggunakannya. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah telah menyebabkan kegagalan dalam menghentikan penggunaan bubu naga tersebut.</p>	<p>Jabatan Perikanan Malaysia Menjadi kesalahan menggunakan bubu naga sebagai peralatan menangkap ikan kerana ia tidak disenaraikan sebagai peralatan menangkap ikan yang dibenarkan. Penggunaan GPS bagi mengenalpasti lokasi bubu naga menjadi halangan bagi pihak berkuasa mengesannya. Ia beroperasi di kawasan cetek. Pihak penguasa Jabatan Perikanan pernah menyita bubu naga di Sungai Manjung berhampiran Kg. Bahru dan Kg. Telaga Nenas.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Kos untuk memenuhi keperluan dan menyediakan peralatan bagi nelayan adalah tinggi.	<p>Pukat atau peralatan yang digunakan oleh komuniti ini mudah rosak dan berkemungkinan hanya dapat digunakan sekali sahaja. Oleh itu, mereka menghadapi kos yang tinggi untuk meneruskan aktiviti perikanan mereka.</p> <p>Bantuan kewangan, penyediaan peralatan, serta subsidi amat diperlukan untuk meringankan beban mereka.</p>	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
4.	Masa yang diambil untuk memberi respon terhadap aduan atau kecamasan terlalu lama	Pihak berkuasa mengambil masa yang lama untuk memberikan respons disebabkan oleh jarak pengkalan yang jauh. Para nelayan telah mengemukakan permohonan untuk membina sebuah pelabuhan yang lebih dekat bagi mengurangkan masa respons terhadap sebarang isu yang timbul.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
5.	Pencemaran udara	Pencemaran udara yang disebabkan debu daripada pembakaran arang batu sebagai sumber untuk janakuasa elektrik, ini mengancam kesihatan penduduk sekitar, juga kebersihan kawasan sekitar.	<p>Jabatan Alam Sekitar</p> <p>Berdasarkan semakan rekod Jabatan ini pada akhir tahun 2023, Jabatan ini ada menerima aduan berkaitan pencemaran udara dari operasi stesen janakuasa elektrik (pembakaran arang batu). Susulan aduan tersebut, Jabatan telah menjalankan siasatan dan mendapati aduan adalah berasas berikutan semakan ke atas bacaan Continuous Emissions</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Monitoring (CEMS) terdapat ketidakpatuhan had pelepasan Dust dan Opacity bagi cerobong No.4 ketika boiler light up.</p> <p>Sehubungan dengan itu, Notis Arahan telah dikeluarkan untuk pihak stesen janakuasa mengenalpasti punca dan mengawal pelepasan bagi mematuhi had pelepasan parameter. Cerobong No.4 tidak beroperasi (shut down) dari 1 Disember 2023 sehingga 31 Oktober 2024. Premis telah mengambil tindakan segera bagi memastikan pelepasan cerobong mematuhi had yang ditetapkan.</p> <p>Untuk makluman, sebarang kegagalan sistem pemantauan berterusan iaitu CEMS untuk merekodkan bacaan parameter Dust dan Opacity hendaklah dimaklumkan kepada pihak Jabatan ini dalam tempoh 1 jam kegagalan tersebut berlaku sepertimana kehendak Peraturan 17(7), PPKAS (Udara Bersih) 2014.</p> <p>Sekiranya penduduk awam mendapati terdapat pelepasan asap hitam dan debu yang berpunca dari cerobong premis berkenaan, boleh membuat aduan</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			di Laman Utama - Portal Sistem e-Aduan Jabatan Alam Sekitar Malaysia. Aduan yang diterima akan diambil tindakan selanjutnya oleh pihak Jabatan ini.
6.	Hutan paya bakau di kawasan ini tidak diberikan perhatian yang sewajarnya dan kurang dipelihara dengan baik.	Pemeliharaan hutan paya bakau di kawasan ini kurang mendapat perhatian, meskipun kepentingan ekosistem hutan paya bakau tersebut adalah setara, terutamanya dalam peranannya sebagai penahan.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
7.	Sumber pendapatan nelayan yang terhad	<p>Pendapatan yang diperoleh oleh para nelayan di kawasan ini adalah sederhana, hanya mencukupi untuk keperluan harian mereka tanpa sebarang simpanan tambahan.</p> <p>Mereka mencadangkan agar peluang penjanaaan pendapatan tambahan disediakan untuk para nelayan, seperti yang dilaksanakan di Teluk Senangin, melalui penanaman anggur laut atau latok-latok. Pihak kerajaan mungkin boleh mempertimbangkan untuk menyediakan inisiatif khusus bagi individu yang berminat dalam usaha tersebut.</p>	<p>Jabatan Perikanan Malaysia</p> <p>Menternak latok-latok di Teluk Senangin masih diperingkat percubaan. Masih belum ada hasil yang boleh dijadikan sumber pendapatan. Kesesuaian tempat menjadi faktor utama dimana penternakan ini boleh dilakukan. Jabatan Perikanan perlu mengambil kira kawasan ternakan latok-latok supaya ia tidak menghalang laluan vesel nelayan.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
8.	Kekurangan dalam penyediaan kursus kemahiran, terutamanya dalam bidang kemahiran membaiki enjin bot.	<p>Kemahiran ini amat penting untuk memastikan para nelayan dapat melaksanakan aktiviti perikanan tanpa sebarang halangan.</p> <p>Dengan penguasaan kemahiran tersebut, mereka dapat menjimatkan kos perbaikan, mengelakkan perbelanjaan tambahan untuk pembaikan, serta memanfaatkan masa dengan lebih efisien kerana kerosakan peralatan dapat dibaiki dengan segera.</p>	<p>Jabatan Perikanan Malaysia</p> <p>Pusat Pengembangan Teknologi Perikanan di Kompleks Perikanan Kg. Acheh, Manjung adalah menyediakan latihan membaiki enjin sangkut (rujuk takwim program). Kini maklumat berada di hujung jari dan boleh dilayari dimana-mana.</p> <p>Agensi Perikanan</p> <p>Di Kampung Acheh, terdapat sebuah pusat latihan yang menyediakan kemahiran membaiki dan mengenali enjin bot. Program ini disasarkan kepada lepasan SPM, manakala bagi orang dewasa, Kolej Perikanan Sultan Nazrin Shah menawarkan kursus maritim yang merangkumi pembaikan enjin bot serta kemahiran navigasi. Dengan itu, latihan berkaitan enjin bot disediakan untuk pelbagai peringkat umur dan latar belakang.</p>

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 7

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Kaum Ibu Taman Sri Batik			Agensi yang memberikan maklum balas:
Tarikh: 16 Februari 2025			1. Pegawai Daerah
Bilangan peserta: 16 orang			2. JKM
1.	Persaingan antara peniaga tempatan Teluk Batik dan peniaga luar	<p>Pendapatan peniaga tempatan di Teluk Batik telah terjejas akibat penyertaan peniaga luar yang terlibat dalam ekspu yang diadakan di kawasan tersebut.</p> <p>Kebanyakan penduduk di kampung ini terlibat dalam perniagaan di Teluk Batik. Walau bagaimanapun, pendapatan mereka terjejas disebabkan oleh penganjuran ekspu yang kerap diadakan pada hujung minggu dan semasa cuti sekolah, yang menarik penyertaan peniaga luar. Pengunjung yang datang ke Teluk Batik lebih cenderung untuk mengunjungi ekspu tersebut berbanding memasuki kedai-kedai jualan milik penduduk setempat.</p>	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Impak penularan isu buaya terhadap sektor pelancongan dan peniaga Pantai Teluk Batik	<p>Isu yang tular mengenai kehadiran tiga ekor buaya di sekitar Teluk Batik telah memberi impak negatif terhadap jumlah kedatangan pengunjung, sekaligus mengakibatkan kerugian kepada para peniaga di Pantai Teluk Batik.</p> <p>Pihak berwajib tidak mengeluarkan sebarang kenyataan rasmi berhubung isu ini, yang menyebabkan pengunjung merasa bimbang untuk mengunjungi Teluk Batik disebabkan kebimbangan terhadap keselamatan mereka. Keadaan ini telah mengakibatkan penurunan jumlah pengunjung, sekaligus memberi kesan negatif terhadap peniaga-peniaga di kawasan tersebut yang bergantung kepada aliran pelancong sebagai sumber pendapatan mereka.</p>	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
3.	Tahap kebersihan di Teluk Batik semakin merosot disebabkan oleh	Pengurusan sampah yang tidak teratur, ditambah dengan kehadiran monyet liar yang menyebarkan sampah, semakin memperburuk keadaan tersebut.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kurangnya perhatian yang diberikan oleh pihak berwajib		
4.	Masalah monyet liar kini semakin membimbangkan (Taman Sri Batik)	Penduduk kampung telah membuat aduan, namun tindakan susulan masih belum diambil. Oleh itu, penduduk setempat mengambil inisiatif sendiri dengan membaling mercun bola bagi menakut-nakutkan haiwan tersebut, namun haiwan itu akan kembali semula ke kawasan tersebut.	Pegawai Majlis Perbandaran Manjung Isu utama di Teluk Batik berkaitan dengan kehadiran populasi monyet yang tinggi. Majlis Perbandaran Manjung (MPM) telah melaksanakan kaedah pengurusan sisa dengan menggalakkan pengunjung membawa balik sampah dan tidak membuangnya di kawasan tersebut. Tindakan ini bertujuan untuk mengurangkan tarikan monyet ke kawasan pelancongan, seterusnya meminimumkan interaksi negatif antara manusia dan hidupan liar.
5.	Keterbatasan jaringan keselamatan sosial	Terdapat aduan daripada beberapa penduduk mengenai seorang bekas suami anggota Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang tidak menerima pencen, di mana beliau telah membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan sara hidup, namun permohonan	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		tersebut ditolak atas alasan beliau masih tinggal bersama anak. Walau bagaimanapun, pendapatan anak tersebut didapati tidak mencukupi untuk menyara kedua ibu bapa tersebut.	
6.	Kekurangan kemahiran dalam penggunaan pembayaran dalam talian	Tiada kursus yang disediakan bagi pendedahan kepada komuniti warga emas di sini mengenai penggunaan internet atau peranti pintar yang dapat memudahkan urusan harian mereka. Selain itu, golongan ini juga tergolong dalam kelompok yang berisiko tinggi untuk menjadi mangsa penipuan.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
7.	Peluang yang terhad menghadiri kursus-kursus kemahiran	Kursus kemahiran seperti menjahit dan membuat kuih amat penting dalam membantu kaum ibu untuk meringankan beban keluarga atau berperanan sebagai tulang belakang keluarga dalam menyediakan punca rezeki. Walau bagaimanapun, peluang yang diberikan adalah sangat terhad, menyebabkan komuniti di kawasan ini terpaksa bersaing antara satu sama lain untuk merebut peluang tersebut.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 8

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Peniaga Pekan Lumut dan Peniaga Esplanade Tarikh: 16 Februari 2025 Bilangan peserta: 17 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam dua kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pegawai Daerah 2. Majlis Perbandaran Manjung 3. Penghulu Lumut 4. Jabatan Alam Sekitar (JAS)
1.	Populasi burung gagak yang tidak terkawal telah mencetuskan ketidakseimbangan ekosistem di kawasan bandar.	<p>Kehadiran burung gagak yang terlalu banyak menyebabkan gangguan kepada suasana persekitaran, menimbulkan ketidakselesaan kepada komuniti setempat.</p> <p>Burung gagak ini telah mengganggu aktiviti perniagaan penjualan hasil laut di Pekan Lumut, disebabkan oleh tabiat haiwan tersebut yang memakan hasil laut yang dipamerkan untuk jualan. Selain itu, burung gagak juga sering mencuri makanan yang dimakan oleh pelanggan di kedai-kedai makan. Tambahan pula, najis burung ini menyebabkan kekotoran pada premis-premis yang terletak di sekitar pekan Lumut.</p>	Pegawai Majlis Perbandaran Manjung Kesedaran terhadap isu berkaitan burung gagak adalah rendah dalam kalangan kami. Oleh itu, disyorkan agar perkara ini dirujuk kepada agensi yang lebih pakar bagi menangani dan mengurus isu ini secara berkesan, termasuk pendekatan kaedah pengurusan burung.
2.	Keperluan semakan semula penguatkuasaan pihak berkuasa	Pihak berkuasa akan mengeluarkan saman pada waktu puncak, ketika terdapat ramai pengunjung yang memerlukan tempat letak kereta. Walaupun telah mengetahui keadaan kekurangan tempat	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	untuk tempat letak kenderaan berbayar pada hari minggu	letak kereta di sekitar kawasan pekan ini, pihak berkuasa tetap meneruskan tindakan saman tersebut.	
3.	Lokasi parking bas yang kurang sesuai	Dicadangkan agar parking ini dianjurkan ke depan sedikit bagi memudahkan urusan menurunkan penumpang dan mengelak kesesakan lalu lintas.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
4.	Tempat letak kereta di pekan Lumut adalah terhad dan tidak mencukupi.	Tempat letak kereta di pekan Lumut adalah terhad dan tidak mencukupi, namun masih terdapat tindakan penguatkuasaan saman. Satu cadangan yang dikemukakan adalah untuk menambah bilangan tempat letak kereta dengan menggunakan kawasan tanah kosong yang terletak di sebelah kawasan tempat letak kereta untuk penumpang jeti.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
5.	Kemudahan surau yang kurang selesa	Kemudahan seperti surau kini mengalami penurunan keselesaan selepas ia diubahsuai dan dipecahkan untuk dijadikan kedai makan. Akibatnya, para jemaah lelaki dan wanita terpaksa berkongsi ruang solat yang sama, menyebabkan suasana menjadi sempit dan kurang selesa.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
6.	Waktu kemudahan untuk penggunaan tandas awam terhad	Kemudahan tandas di jeti tersebut hanya disediakan pada waktu siang, yang menyukarkan pengunjung yang datang pada waktu malam. Mereka terpaksa pergi ke tandas yang terletak	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		agak jauh, dan perjalanan kaki menuju ke tandas tersebut dirasakan begitu jauh dan tidak praktikal.	
7.	Ruang menunggu di jeti tersebut yang terhad dan kurang selesa	Jadual perkhidmatan feri yang tidak teratur menyebabkan pengunjung terpaksa menunggu dalam jangka masa yang panjang. Walau bagaimanapun, tiada kemudahan ruang menunggu yang selesa dan luas disediakan di kawasan jeti, memaksa pengunjung untuk duduk di kaki lima.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
8.	Kekurangan tarikan pelancongan yang signifikan,	Tiada tarikan atau aktiviti yang dapat menarik perhatian pelancong di kawasan tersebut. Walaupun terdapat bangunan dan kawasan yang masih boleh dimanfaatkan untuk penubuhan tempat atau aktiviti pelancongan, tiada usaha yang telah dilakukan oleh pihak yang berkenaan untuk mengoptimumkan potensi tersebut. Keadaan ini telah menyebabkan penurunan dalam jumlah pengunjung ke Lumut, sekaligus memberi kesan negatif terhadap pendapatan para peniaga di kawasan tersebut.	<p>Majlis Perbandaran Manjung</p> <p>Berdasarkan pegawai Majlis Perbandaran Manjung, isu yang dihadapi oleh para peniaga di Lumut bukanlah disebabkan oleh ketiadaan pengunjung, tetapi lebih kepada kurangnya aktiviti pembelian oleh pengunjung yang hadir. Menurut beliau, Lumut tetap menerima kehadiran orang ramai, terutamanya pada hujung minggu, namun majoriti pengunjung lebih tertumpu kepada aktiviti rekreasi berbanding membeli-belah. Oleh itu, tanggapan bahawa Lumut kekurangan tarikan pelancongan dianggap kurang tepat. Dalam usaha mengatasi isu ini, pihak Majlis telah merangka Pelan Tindakan Khas (PTK) Lumut yang memberi penekanan terhadap penambahbaikan kawasan berkenaan, khususnya di</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>sepanjang Jalan Sultan Idris Shah yang menempatkan barisan peniaga tempatan.</p> <p>Pegawai Daerah Antara inisiatif yang dirancang termasuklah mengecat semula bangunan-bangunan lama seperti di kawasan Bagan Datuk serta memperkenalkan identiti tempatan melalui penjenamaan jalan dengan nama-nama produk tempatan seperti "Produk Ikan Mata Biru." Usaha ini mencerminkan komitmen pihak Majlis untuk memperkasakan ekonomi setempat dengan menambah nilai tarikan visual dan identiti budaya tempatan.</p>
9.	<p>Persaingan dengan Marina Island sebagai laluan ke Pulau Pangkor semakin ketara apabila carian di enjin pencari seperti Waze atau Google cenderung membawa pengguna terus ke</p>	<p>Jumlah pengunjung yang menggunakan feri ke Pulau Pangkor semakin berkurangan, dengan sebahagian besar memilih untuk menaiki feri di Marina Island. Walaupun begitu, Marina Island merupakan sebuah tempat persendirian yang kurang mendapat promosi dan sokongan daripada pihak berkaitan, yang menyebabkan tarikan pengunjung untuk menggunakan perkhidmatan feri di Jeti Lumut semakin menurun.</p>	<p><i>Tiada maklum balas agensi</i></p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	Marina Island, berbanding ke Lumut yang merupakan lokasi utama untuk menaiki feri ke Pulau Pangkor.		
10.	Infrastruktur yang tidak diselenggara dengan baik dan tidak dipelihara secara berkala, termasuk bangunan yang tidak dicat semula, menyebabkan keadaan yang terbiar.	<p>Bangunan yang tidak dicat semula telah memberi kesan negatif terhadap imej Pekan Lumut. Terdapat beberapa bangunan dan premis yang tidak lagi digunakan, seperti Medan Selera dan Perhentian Bas, yang dibiarkan begitu sahaja tanpa sebarang perhatian, sekaligus mencacatkan pemandangan di kawasan tersebut. Premis-premis ini berpotensi untuk dibangunkan semula atau diusahakan menjadi fasiliti lain yang lebih bermanfaat, berbanding dibiarkan terbiar dan terbengkalai, yang boleh memberi manfaat kepada peniaga di Pekan Lumut dan masyarakat setempat.</p> <p>Selain itu, apabila terdapat bangunan yang tidak digunakan, tiada usaha untuk membangunkannya semula atau memanfaatkannya semula.</p>	<p>Pegawai Majlis Perbandaran Manjung</p> <p>Pada tahun 2023, Majlis Perbandaran Manjung (MPM) telah melaksanakan laporan SDG dengan kerjasama Urbanise Malaysia. Fokus utama MPM adalah kepada pengumpulan data dari agensi serta sumber-sumber tertentu, dan bukan secara langsung kepada komuniti. Analisis data ini membolehkan pengenalanpastian isu-isu utama di seluruh daerah Manjung, termasuk isu berkaitan bekalan air, tenaga elektrik dan aspek-aspek lain yang relevan. Daripada data yang diperoleh, beberapa potensi dan cabaran di daerah ini telah dikenal pasti dan boleh diketengahkan.</p> <p>Walau bagaimanapun, pihak Dr. Thanaraj telah melaksanakan beberapa sesi FGD yang memberi tumpuan kepada pengkhususan komuniti di daerah</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Manjung. Pendekatan ini berbeza dengan MPM yang menumpukan kepada perspektif keseluruhan daerah. Integrasi antara pendekatan MPM dan Dr. Thanaraj berpotensi memperkukuh pelaksanaan SDG di Manjung dengan merangkumi kedua-dua aspek agensi dan komuniti, seterusnya menghasilkan pemahaman yang lebih holistik mengenai cabaran dan potensi tempatan.
11.	Isu peningkatan harga makanan yang mendadak di Pulau Pangkor yang menjadi tular telah memberi impak negatif terhadap pendapatan peniaga di Lumut.	Pengaruh viral ini telah memberi impak negatif terhadap pendapatan peniaga di pekan Lumut. Peniaga-peniaga di kawasan tersebut turut terkesan dengan isu yang tular, di mana para pengunjung mula enggan berbelanja di Lumut kerana bimbang kejadian serupa akan berlaku. Selain itu, kebimbangan terhadap harga makanan yang dianggap terlalu tinggi dan tidak wajar turut menyebabkan penurunan dalam aktiviti perniagaan di pekan tersebut.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
12.	Kekurangan daya tarikan di sekitar kawasan Taman Esplanade	Tiada destinasi atau aktiviti yang menarik bagi tarikan pelancong di kawasan tersebut. Pihak yang bertanggungjawab tidak mengambil sebarang tindakan untuk memperbaiki keadaan ini meskipun telah menerima aduan mengenainya. Selain itu, acara seperti pesta air yang pernah	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		diadakan pada masa lalu tidak lagi dilaksanakan, dan tiada aktiviti lain yang dapat menarik perhatian pelancong.	
13.	Ketiadaan pencahayaan yang mencukupi serta suasana yang gelap menyebabkan sejumlah besar pengunjung memilih untuk menuju ke Marina Wing. (Peniaga di Esplanade)	Isu ini menimbulkan ancaman terhadap keselamatan serta mencipta persekitaran yang kurang menarik. Ketiadaan pencahayaan jalan di sepanjang kawasan pejalan kaki berhampiran pantai menjadi faktor yang mengurangkan potensi kawasan tersebut sebagai tarikan pelancongan kepada pengunjung yang berkunjung ke Lumut.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>
14.	Tiada kemudahan surau di Taman Esplanade, yang menyukarkan pengunjung untuk menunaikan solat. (Peniaga di Esplanade)	Terdapat sebuah surau di Taman Esplanade, namun fasiliti tersebut telah dialihkan fungsinya menjadi stor penyimpanan barang milik Majlis Perbandaran Manjung. Seharusnya, surau tersebut digunakan untuk tujuan asalnya, iaitu sebagai tempat ibadat yang dapat memudahkan masyarakat setempat untuk melaksanakan solat.	<i>Tiada maklum balas agensi</i>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan peluang kemahiran dan kerjaya di Pulau Pangkor

Kekurangan peluang kemahiran dan kerjaya di Pulau Pangkor menjadi cabaran utama bagi belia tempatan. Dengan sumber ekonomi yang terhad, ramai anak muda berdepan kesukaran mencari pekerjaan yang stabil, menyebabkan mereka bergantung kepada sektor tidak formal atau berhijrah ke tanah besar untuk peluang yang lebih baik. Ketiadaan latihan kemahiran yang mencukupi turut menghalang mereka daripada bersaing dalam pasaran kerja moden.

Bagi mereka yang tidak mempunyai pilihan untuk berpindah, keadaan ini menyebabkan tekanan ekonomi dan sosial. Tanpa sumber pendapatan yang kukuh, sebahagian daripada mereka mudah terjebak dalam aktiviti tidak sihat seperti penyalahgunaan dadah dan ketum. Ini bukan sahaja memberi kesan buruk kepada individu tetapi juga kepada komuniti secara keseluruhan, mencetuskan masalah sosial yang semakin meruncing.

Bagi menangani isu ini, perlu ada inisiatif yang lebih kukuh seperti program latihan kemahiran, galakan kepada keusahawanan tempatan, serta pembukaan lebih banyak peluang pekerjaan yang sesuai dengan keperluan belia di Pulau Pangkor. Sektor pelancongan boleh dimanfaatkan dengan menyediakan latihan berkaitan hospitaliti, perniagaan kecil, dan ekonomi digital, sekaligus membantu anak muda menjana pendapatan dan membangunkan ekonomi setempat tanpa perlu meninggalkan pulau.

Beberapa masalah berkaitan kekurangan peluang kemahiran dan kerjaya di Pulau Pangkor termasuk:

- **Terhadnya Peluang Pekerjaan** – Ekonomi tempatan bergantung kepada pelancongan dan perikanan, yang bersifat bermusim dan tidak stabil.
- **Kurangnya Program Latihan Kemahiran** – Belia sukar mendapatkan latihan atau kursus yang relevan dengan industri moden.
- **Migrasi Tenaga Kerja** – Ramai anak muda berhijrah ke tanah besar untuk mencari pekerjaan yang lebih baik.
- **Kegiatan Sosial Tidak Sihat** – Kekurangan aktiviti produktif menyebabkan peningkatan penyalahgunaan dadah dan ketum.
- **Kelemahan Infrastruktur Digital** – Kesukaran membangunkan perniagaan dalam talian akibat sambungan internet yang lemah.
- **Kurangnya Sokongan Keusahawanan** – Belia yang ingin berniaga menghadapi cabaran dari segi modal dan bimbingan.

Untuk cadangan penyelesaian, program latihan, pembiayaan keusahawanan, dan peningkatan infrastruktur perlu dipertingkatkan.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terhadnya peluang pekerjaan 2. Kurangnya program latihan kemahiran 3. Migrasi tenaga kerja 4. Kegiatan sosial tidak sihat 5. Kelemahan infrastruktur digital 6. Kurangnya sokongan keusahawanan
Cadangan	Program latihan, pembiayaan keusahawanan, dan peningkatan infrastruktur perlu dipertingkatkan.
Kumpulan Terjejas	Belia & B40
Kawasan	Dun Pangkor
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	<p>Sasaran 8.3: Menggalakkan pembangunan ekonomi inklusif melalui sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana serta perniagaan mikro, termasuk akses kepada platform pasaran.</p> <p>Sasaran 8.6: Menambah peluang untuk pekerjaan bermaruah melalui peningkatan kemahiran penduduk setempat.</p>
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Memastikan penduduk mendapat kemahiran teknikal dan vokasional termasuk pemasaran digital untuk meningkatkan peluang ekonomi.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Memberi sokongan ekonomi dan sosial yang lebih inklusif kepada semua lapisan masyarakat, termasuk wanita belia.
SDG 17: Perkongsian untuk Mencapai Matlamat	Sasaran 17.16: Menggalakkan kerjasama dengan pihak swasta untuk membangunkan platform promosi dan latihan kemahiran.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Veteran TLVM (Tentera Laut Diraja Malaysia) menghadapi pelbagai kekangan kebajikan,

Veteran TLVM (Tentera Laut Diraja Malaysia) menghadapi pelbagai kekangan kebajikan, terutama disebabkan oleh sistem pencen yang rendah dan tidak selaras. Ada veteran yang tidak layak menerima pencen, menyebabkan ramai antara mereka mengungkapkan rasa tidak puas hati. Keadaan ini mempengaruhi kehidupan mereka selepas perkhidmatan, terutamanya dalam menghadapi kos hidup yang semakin tinggi. Selain itu, peruntukan yang terhad untuk aktiviti kebajikan di Lumut turut menyumbang kepada rasa terabai dalam kalangan veteran. Sebilangan besar peruntukan untuk kebajikan veteran dianggap terlalu rendah, menjejaskan usaha untuk memberi sokongan kepada mereka yang memerlukan. Dalam keadaan ini, kebajikan veteran sering kali terpinggir, memerlukan perhatian serius daripada pihak berkuasa agar lebih banyak usaha dapat diambil untuk memastikan kesejahteraan mereka selepas berkhidmat demi negara.

Masalah berkaitan veteran TLVM termasuk sistem pencen yang rendah dan tidak selaras, menyebabkan banyak veteran tidak dapat menikmati kehidupan selepas perkhidmatan dengan selesa. Ada juga veteran yang tidak menerima pencen, memburukkan lagi keadaan mereka. Selain itu, peruntukan kebajikan yang sangat rendah menyebabkan kebajikan mereka terbiar, dan tiada sokongan mencukupi untuk aktiviti atau bantuan kewangan. Keadaan ini memperlihatkan kekurangan perhatian terhadap kesejahteraan veteran selepas berkhidmat, yang sepatutnya diberi sokongan lebih dari segi kebajikan dan keperluan hidup.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Sistem pencen yang rendah dan tidak selaras. 2. Terdapat veteran yang tidak berpencen. 3. Peruntukan kebajikan yang sangat rendah menyebabkan kebajikan mereka terbiar. 4. Kekurangan perhatian terhadap kesejahteraan veteran selepas berkhidmat,
<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Meningkatkan Sistem Pencen: Menyemak dan menambah baik sistem pencen agar ia lebih selaras dengan kos hidup semasa dan memberi faedah kepada semua veteran. 2. Memberikan Pencen kepada Semua Veteran: Memberikan pencen atau bantuan kewangan kepada veteran yang tidak layak menerima pencen.

	<p>3. Meningkatkan Peruntukan Kebajikan: Menambah peruntukan untuk kebajikan veteran agar mereka mendapat sokongan dalam pelbagai aspek kehidupan selepas berkhidmat.</p> <p>4. Menubuhkan Program Sokongan: Mewujudkan program yang memberi peluang kepada veteran untuk terlibat dalam aktiviti sosial dan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup mereka.</p>
Kumpulan Terjejas	Veteran Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)
Kawasan	Parlimen Lumut & Veteran TLDM Malaysia
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Tiada Kemiskinan	<p>Sasaran 1.2: Mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kadar kemiskinan dalam semua bentuknya untuk semua lelaki, wanita dan kanak-kanak, berdasarkan definisi nasional, menjelang 2030.</p> <p>Sasaran 1.4: Memastikan semua orang, khususnya golongan miskin dan mudah terjejas, mempunyai akses yang sama kepada sumber ekonomi, perkhidmatan asas, pemilikan tanah, dan teknologi baharu menjelang 2030.</p>
SDG 3: Kehidupan Sejahtera	Sasaran 3.4: Meningkatkan kesihatan mental dan kesejahteraan veteran melalui program sokongan yang berfokus pada kebajikan mereka.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Memberi sokongan ekonomi dan sosial yang lebih inklusif kepada semua lapisan masyarakat, termasuk wanita belia.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 14. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Pusat Jagaan Warga Emas dan Pesakit Terlantar	Gear Up Pulau Pangkor: Level Up Kemahiran Motosikal	Dari Offline ke Online: Revolusi Perniagaan Digital Komuniti
SDG Berkaitan	SDG 3, 8, 10	SDG 1, 4, 8	SDG 1, 4, 8
Objektif	Menyediakan penjagaan berkualiti dan mampu milik untuk warga emas dan pesakit terlantar di Manjung.	Memberi latihan kemahiran servis motosikal kepada belia B40/M40 untuk menjana pendapatan dan keusahawanan.	Melatih golongan B40 dan usahawan mikro luar bandar dalam pemasaran digital untuk jana pendapatan atas talian.
Hasil Jangkaan	35 benefisiari menerima jagaan; 95% kepuasan pelanggan; 100% staf terlatih; kerjasama dengan 3 NGO; operasi mampan.	10 peserta dilatih; 70% menjana pendapatan tetap dalam 3 bulan; peningkatan kemahiran dan peluang pekerjaan.	10 peserta mahir guna media sosial untuk bisnes; akaun perniagaan aktif; kandungan promosi; kempen digital berjaya.
Organisasi	Pusat Jagaan Qaseh Murni	Along Syafiq Motor	ShahPoint
Aktiviti	12 minggu aktiviti penjagaan, promosi, sokongan mental, fisioterapi, penilaian, laporan tahunan.	12+ aktiviti: latihan teknikal, bengkel keselamatan, pemasaran digital, lawatan industri, penilaian, sijil.	12 minggu kelas digital marketing + 3 bulan pemantauan: copywriting, Canva, TikTok, boosting, pembentangan.
Jumlah (RM)	40,000.00	40,000.00	40,000.00

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Lokasi	Desa Manjung Raya, Lumut, Perak	Pasir Bogak, Pulau Pangkor, Perak	Seri Manjung, Perak
Tempoh Projek	Jun – Ogos 2025 (3 bulan)	Julai – September 2025 (3 bulan)	Julai – September + 3 bulan pemantauan

6.0 RUJUKAN

- Astro Awani. (2023, March 6). *Lumut dalam perancangan dijadikan bandar pertahanan – MB Perak*. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lumut-dalam-perancangan-dijadikan-bandar-pertahanan-mb-perak-377761>
- Bernama. (2025, February 25). *Perak catat perdaratan ikan tertinggi di Malaysia pada 2024* - LKIM. Bernama. <https://www.bernama.com/bm/news.php/politik/sukan/nnews.php?id=2396446>
- Hadi, R. (2023, January 9). 4 lokasi di Pulau Pangkor diancam hakisan pantai [Video]. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/01/922216/4-lokasi-di-pulau-pangkor-diancam-hakisan-pantai-metrotv>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2022. Statistik subnasional: Parlimen Lumut, Perak. Jabatan Perangkaan Malaysia. <https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=76701>
- KOSMO! (2023, December 8). *Transformasi LuMIC perkukuh industri maritim negeri Perak*. KOSMO! Digital. <https://www.kosmo.com.my/2023/12/08/transformasi-lumic-perkukuh-industri-maritim-negeri-perak/>
- Lumat, P. (2013, June 5). *Lumut mesti disempadankan semula*. Cikgu Lin57. <https://cikgulin57.blogspot.com/2013/06/p074-lumut-mesti-disempadankan-semula.html>
- Melancong. (n.d.). *Tempat menarik di Lumut*. Melancong. Retrieved March 7, 2025, from <https://www.melancong.com.my/tempat-menarik-di-lumut/>
- Pusat Khidmat Parlimen Lumut. (2025). Borang Profil Parlimen.
- Pejabat Daerah dan Tanah Manjung. (n.d.). *Info Ringkas*. Pejabat Tanah dan Galian Perak. Diperoleh pada 26 Februari 2025, daripada <https://ptg.perak.gov.my/portal/web/manjung/info-ringkas1>
- Utusan Malaysia. (2024, November). *Lumut pekan mati, peniaga 'menganggur'*. Utusan. <https://www.utusan.com.my/berita/2024/11/lumut-pekan-mati-peniaga-menganggur/>

Shuhaili, A. F. A., & Ariffin, K. (2024). Isu-Isu Sosioekonomi Berkaitan Pembukaan Pelabuhan Lumut Perak (1995-2010): Socioeconomic Issues Related To The Opening Of Lumut Port, Perak (1995-2010). *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 35(2), 47-80




APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMAPAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>